

Jilid 1
Bil.76



Hari Khamis
31hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12533]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Hukuman Sebat ke atas Penagih Dadah—Y.B. Tuan R. Karpal Singh
(Jelutong) [Ruangan 12587]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 12594]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 12595]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) [Ruangan 12596]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permalang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S, (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (**Besut**).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO* LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar),

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.s. (Tiliwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, OK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAHD BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SUUMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang),
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Oalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chcpa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.O.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung),
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN Foo PIEW KOK (Balu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHATALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LEW AH KIM (Seputeh),
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GoR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran),
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUANMOHAMEDKHALEDBINNORDIN(JohorBahru) **Bahru**).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD, SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUANHAJIMOHD.ZIHINBINHAJIMOHD.HASSAN(Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.j. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANWEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAHIAH RAKEBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ~~ABD~~ KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang),
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Jutau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILJ (Batang Sadong).
- „ WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAPAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAH WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puleh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Pcnolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin,

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Khamis, 31hb Oktober, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENSYARAH MAKTAB
PERGURUAN DITEMPATKAN
DI SEKOLAH RENDAH**

1. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar pihak Kementerian Pendidikan telah menempatkan semula ke sekolah-sekolah rendah, ramai pensyarah yang terlatih khas, yang pernah mengajar di kolej latihan perguruan. Memandangkan kekurangan pensyarah-pensyarah berpengalaman, adakah pihak Kementerian bercadang untuk memanggil semula kakitangan-kakitangan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar Kementerian Pendidikan telah menempatkan semula beberapa orang pensyarah maktab perguruan ke sekolah-sekolah rendah pada tahun 1990. Mereka adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan bukan-Siswazah, Kategori BIO dan B8.

Pertukaran ini tidak menyebabkan kekurangan tenaga pensyarah di maktab-maktab perguruan, tetapi

selepas tahun 1990, usaha-usaha telahpun diambil untuk kita mengimbangi semula nisbah guru pelatih dengan pensyarah-pensyarah yang berkelayakan dan yang berpengalaman.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pengambilan dan penempatan pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan, adakah pihak Kementerian mengambilkira pengalaman seseorang guru yang telah bertahun-tahun mengajar sebelum dinaikkan pangkat untuk dilantik sebagai pensyarah, selain daripada pengalaman dan kelayakan ikhtisas dan akademik mereka?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha kita melaksanakan perlantikan pensyarah-pensyarah maktab perguruan kita, kita mengambil berat ke atas pengalaman dan juga taraf kelayakan dari segi ikhtisas masing-masing. Tetapi ada juga aspek di dalam matapelajaran yang tertentu di mana matapelajaran itu dari segi teknikalnya adalah satu matapelajaran yang baru memangkita melantik pegawai-pegawai yang baru walaupun hanya berpengalaman serba sedikit, tetapi mereka telah mendapat latihan di dalam bidang-bidang yang kini mungkin lebih spesifik.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai kekurangan pensyarah-pensyarah yang berpengalaman atau guru-guru yang

berpengalaman. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil kembali guru-guru yang berpengalaman tetapi mereka sudah bersara, untuk menampung kekurangan guru-guru dan pensyarah yang berpengalaman tinggi?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu pernah diberi pertimbangan tetapi ia masih di dalam peringkat pertimbangan, sama ada akan dilaksanakan atau tidak, ini adalah bergantung kepada keperluan-keperluan dalam maktab perguruan kita. Tetapi di sini saya ingin memaklumkan bahawa dalam usaha kita meningkatkan lagi perkhidmatan pensyarah di maktab perguruan kita di negara ini, kita telah mengadakan program-program untuk mempertingkatkan lagi taraf profesional pensyarah-pensyarah kita dan juga mengambil langkah yang melibatkan program-program seperti dalam bahasa Inggeris dan lain-lain lagi yang memerlukan tenaga-tenaga yang luar dari perkhidmatan.

SISA TOKSID—TEMPAT PEMBUANGAN

2. Dr V. David minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada di negeri Selangor ada tempat buang sisa toksid (toxic waste dump) dan jika ada, sila nyatakan tempat di mana ianya terletak;
- (b) sama ada terdapat cadangan untuk menambahkan 'toxic waste dump' di Selangor dan jika ada, di mana ianya akan diletak dan bila dijangka akan dibina; dan
- (c) sama ada kos pembinaan tempat buangan sisa toksid ini akan

ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) di negeri Selangor belum ada tapak yang dibina untuk melupus buangan terjadual atau yang dimaksudkan toxic waste dump.
- (b) oleh kerana di negeri Selangor belum ada tapak pelupusan buangan terjadual, maka soalan (b) adalah tidak berbangkit sama sekali; dan
- (c) Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya pembinaan tapak pelupusan buangan terjadual dilaksanakan oleh pihak swasta dengan kos pembinaannya ditanggung sepenuhnya oleh pihak swasta.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di negeri Selangor tidak mempunyai tempat buangan sisa toksid, jadi di manakah sisa-sisa toksid dari kilang-kilang perindustrian di negeri Selangor ini dilupuskan selama ini, dan adakah ini menjamin keselamatan dari segi kehidupan manusia?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun keadaan sekarang, tindakan siasatan atau kajian sedang dijalankan di negeri Selangor tentang tapak untuk maksud transfer station, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tapak-tapak ini sekarang belum dapat dikenalpasti kerana tapak yang kita akan tentukan sebagai tapak pelupusan buangan terjadual itu, dengan izin, environmental impact assessmentnya sedang dijalankan.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila hendak menentukan sesuatu tapak buangan toksid atau bukan toksid itu, berapa aspekakah akan dikaji semula sebelum tempat-tempat buangan itu dapat ditentukan di mana alam sekitar itu tidak akan dijejaskan? Sekiranya kajian telah diambil dari semua aspek, bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa tapak yang ditentukan itu tidak akan membawa kesan yang buruk kepada alam sekitar kelilingnya dalam jangka masa 20-30 tahun? Bolehkah Kerajaan memberi satu jaminan bahawa Kerajaan akan mengumumkan kajian-kajian yang telah dibentangkan untuk dikaji itu kepada orang ramai di mana orang ramai dapat peluang untuk memberi maklum-balas terhadap tapak-tapak yang akan ditentukan itu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat tadi terkeluar dari maksud soalan asal.

PEKERJA MALAYSIA DI TAIWAN/KOREA DAN JEPUN

3. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai pekerja-pekerja dari Malaysia yang bekerja di Taiwan, Korea dan Jepun sehingga kini yang diketahui; dan
- (b) apakah Kementerian menggalakkan ramai pekerja-pekerja negara ini untuk mendapat peluang-peluang pekerjaan di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang diketahui

sehingga kini di negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Taiwan - 150 orang pekerja sah
- (ii) Korea - Tiada
- (iii) Jepun - 356 orang pekerja sah

- (b) Kerajaan tidak pernah menggalakkan pekerja tempatan untuk mencari peluang-peluang pekerjaan di luar negeri. Seperti yang diketahui umum, Kerajaan Malaysia adalah mengamalkan dasar ekonomi terbuka dalam pasaran-pasaran yang bebas di mana rakyat Malaysia ini tidak disekat untuk bekerja di mana-mana negara asing sekiranya mereka berpendapat dengan cara demikian akan meningkatkan pendapatan mereka. Begitu juga rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara adalah dialu-alukan untuk kembali bekerja di Malaysia sekiranya mereka berpendapat dengan kembali bekerja di tanahair sendiri akan lebih menguntungkan mereka. Pada hakikatnya, keadaan ini adalah merupakan sebahagian dari amalan mobiliti buruh di peringkat antarabangsa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengaliran pekerja-pekerja Malaysia ke luar negeri daripada Malaysia? Dan soalan yang kedua, apakah bidang pekerjaan pada umumnya yang dikerjai oleh pekerja-pekerja Malaysia di luar negeri?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pertamanya, kalau Yang Berhormat mengikuti jawapan saya tadi jelas menyatakan bahawasanya kebanyakan mereka yang keluar mencari kerja di tempat asing ialah untuk mendapat pendapatan yang lebih lumayan daripada jangkauan mereka.

Keduanya, bidang yang mereka ceburi itu berbagai, kebanyakannya dalam bidang kontrak, pekerja-pekerja kontrak ataupun membuka kedai dan sebagainya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sepanjang pengetahuan Kerajaan kita sama ada pekerja-pekerja warganegara kita yang berada di seberang laut ini telah melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini, seperti kegiatanmaksiatataupunperkerjaan-perkerjaan yang tidak sihat.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, ada pada ketika di tempat tertentu tetapi tidak menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit tidak hadir)

JALAN RAYA DI SABAH— PEMBINAAN

5. Tuan Michael Asang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada peruntukan bagi pembinaan jalanraya Nangoh/Sungai-sungai Kanibongan ke Pekan Baru Paitan/Pejabat Daerah Kecil Sugut sudah diberi kelulusan. Jika sudah, bilakah kerja pembinaan akan dimulakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan bagi projek Jalan Raya Nangoh/Sungai-sungai/Kanibongan ke Pekan Baru Paitan/Pejabat Daerah Kecil Sugut belum diluluskan.

PELAJAR TAJAAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI—PRESTASI

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) dasar penghantaran pelajar-pelajar menuntut ke Seberang Laut sekarang berikutan berlakunya perubahan dari segi bayaran yuran dan sistem kemasukan di beberapa pusat pengajian tinggi di luar negara;
- (b) bagaimanakah polisi Kerajaan bagi menentukan tempat-tempat pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf kelulusannya oleh Kerajaan; dan
- (c) setakat ini, sejauh manakah prestasi pencapaian pelajar-pelajar kita di luar negara, terutamanya mereka yang memegang biasiswa/pinjaman Kerajaan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pihak penganjur yang menghantar pelajar kita ke luar negeri telahpun mempelbagaikan pilihan penempatan pelajar-pelajar di luar negara berikutan dengan berlakunya perubahan dari segi bayaran yuran dan sistem kemasukan ke universiti-universiti luar negeri. Bermula pada tahun 1983, usaha-usaha telah dijalankan untuk menghantar pelajar-pelajar ke negara-negara Jepun dan Republik

Korea, selain daripada negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Indonesia, Pakistan, India dan negara-negara Timur Tengah. Sejak tahun 1986, pihak penganjur telah juga menghantar pelajar-pelajar ke negara Perancis. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk kita menghantar pelajar-pelajar ke Republik Jerman.

(b) Polisi Kerajaan bagi menentukan tempat-tempat pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf kelulusan-kelulusannya oleh Kerajaan adalah diasaskan kepada:

(i) keperluan satu-satu bidang itu di dalam Perkhidmatan Awam; dan

(ii) mutu kelayakan.

(c) Untuk maklumat Yang Berhormat, prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negeri adalah memuaskan. Pada keseluruhannya, hanya 2% dari pelajar yang dihantar gagal menamatkan pengajian dan 98% lulus sama ada dengan Ijazah Am atau dengan Kepujian.

PESAKIT BUAH PINGGANG— RAWATAN

7. **Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan begitu ramai pesakit-pesakit buah pinggang yang miskin memerlukan perkhidmatan mesin cuci buah pinggang (dialysis), adakah Kerajaan bercadang hendak memberi perkhidmatan serupa kepada orang ramai yang memrlukannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, program rawatan haemodialisis di hospital-hospital Kerajaan memberi keutamaan kepada pesakit-pesakit buah pinggang seperti berikut:

(i) Pesakit yang mendapat penyakit acute renal failure di mana buah pinggang rosak sementara dan pesakit memerlukan rawatan mesin buah pinggang sementara sahaja.

(ii) Pesakit yang akan menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang mereka dirawat dengan mesin buah pinggang hingga hari pembedahan dan selepas itu mereka tidak memerlukan mesin itu lagi.

(iii) Pesakit pemindahan buah pinggang di mana buah pinggang yang dipindah telah gagal berfungsi dan mereka perlu rawatan dengan mesin seumur hidup. Dengan rawatan ini, kita tidak mengira mereka miskin ataupun tidak miskin.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah setiap hospital termasuk hospital daerah di seluruh negara kita dilengkapi dengan mesin cuci pinggang. Dan kedua, sebab apa pihak Kerajaan tidak memperluaskan perkhidmatan mencuci pinggang dalam kes-kes....

Tuan Yang di-Pertua: Cuci buah pinggang. (*Ketawa*)

Tuan Chor Chee Heung:...cuci buah pinggang yang tidak dimasukkan dalam kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pusat-pusat yang ada di hospital-hospital Kementerian Kesihatan yang berfungsi sekarang adalah seperti berikut:

(a) Hospital Besar Kuala Lumpur	42 buah
(b) Alor Setar	8 "
(c) Ipoh	9 "
(d) Pulau Pinang	8 "
(e) Sibul	4 "
(f) Johor Bahru	9 "

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' K. Kumaran: Dan termasuk 116.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' K. Kumaran: Dan di-peringkat swasta kita ada lebih kurang 87 buah, dan tahun akan datang kita juga akan ada di Seremban, Melaka, Kelang, Kangar dan juga Taiping.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat, berapa harga satu unit mesin tersebut dan berapa belanjanya untuk mencuci buah pinggang sekali? Itu sahaja.

Dato' K. Kumaran: Kos bagi mendapatkan setiap mesin adalah lebih kurang \$28,000. Penyelenggaraannya walaupun harga \$2,000 tetapi bagi alat-alat disposable dan ubat bagi seseorang pesakit itu adalah lebih kurang \$10,000.

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN

8. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaannya atas Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991 yang telah

diselesaikan baru-baru ini, dan bilakah laporan lengkap dapat diumumkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdut): Tuan Yang di-Pertua, operasi pembancian dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991 telah selesai dijalankan dari 14 hingga 30 Ogos 1991 yang lalu. Walau bagaimanapun, sebagai amalan biasa, Penyiasatan Selepas Banci sedang dijalankan dengan tujuan untuk menilai perbezaan liputan di dalam Banci. Ini termasuk semakan-semakan terakhir selepas pembancian.

Berhubung dengan laporan-laporan Banci, rancangan adalah dibuat untuk menyiapkan laporan-laporan berkenaan secara berterusan sebaik sahaja peringkat-peringkat prosesan di-sempurnakan. Dalam hubungan ini, Laporan Kiraan Permulaan dijangka disiapkan pada hujung tahun 1991. Seterusnya Laporan Pendahuluan akan disiapkan pada bulan Mac 1993, Laporan Am Penduduk pada Ogos 1994 dan Laporan Am Perumahan pada bulan Disember 1994.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adalah yang pertama saya ingin tahu jumlah pegawai-pegawai pendaftaran yang menjalankan kerja-kerja banci dan jumlah kos perbelanjaan yang terlibat dalam banci ini.

Soalan kedua saya ialah saya memerhatikan bahawa orang-orang cacat tidak termasuk dalam banci ini sedangkan perangkaan tidak ada mencukupi, tidak lengkap bagi orang-orang cacat, mereka yang cacat badan atau terencat akal, orang buta dan sebagainya. Sebab tanpa maklumat yang penuh ke atas golongan yang kurang bernasib baik ini, bagaimana Kerajaan boleh merumuskan satu dasar pembangunan negara yang akan melibatkan orang-orang cacat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tentang jumlah pendaftar, saya minta maaf kerana saya terpaksa membuat rujukan. Tentang kos perbelanjaan itu dianggarkan lebih kurang \$100 juta bagi keseluruhan pembancian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua sepatutnya dalam pembancian ini semua orang terlibat termasuklah orang cacat kerana kita menetapkan tarikh pengiraan itu adalah penghuni di mana mereka tinggal pada ketika itu. Mungkin pada pandangan Yang Berhormat orang cacat ini perlu dibuat satu kajian ataupun statistik lain untuk pembancian itu tidak termasuk dalam kaedah pembancian penduduk dan perumahan. Ini adalah banci penduduk dan perumahan yang akan menganggarkan keseluruhan penduduk kita yang sebenar pada ketika banci dibuat.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat kesal dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen oleh sebab saya sudah tahu rangka dan soalan mengenai terminally ill alau penyakit yang tidak dapat diubati dan orang-orang yang cacat tidak pun dimasukkan dalam banci-banci ini. Saya hendak satu penjelasan yang baik adalah kecuaiian ini menunjukkan bahawa slogan BN mengenai ingin mewujudkan satu masyarakat penyayang adalah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawapan sudah ada tadi, macam mana itu.

Dr Kua Kia Soong: Satu penjelasan oleh sebab saya tahu orang cacat dan terminally ill, dengan izin, tidakpun dimasukkan di dalam banci ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya agak dia tidak dengar jawapan saya. Saya katakan termasuk orang cacat kerana banci penduduk dan perumahan ini adalah

kita hendak banci keseluruhan penduduk negara tetapi kalau fahaman Yang Berhormat dari Petaling Jaya tadi hendakkan satu kajian untuk orang cacat, itu sudah termasuk di bawah Kementerian yang lain, bagi Kementerian yang menjaga hal ehwal orang cacat ini. Jadi, banci sekarang dibuat Jabatan Perdana Menteri mengenai seluruh rakyat Malaysia termasuk orang cacat yang tinggal di mana-mana tempat pun pada tarikh pembancian dibuat.

BOT MILIK K & I DAN MDFC YANG DIDAFTARKAN

9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pernah Menteri Pertanian atau Jabatan Perikanan mengadakan pertemuan atau perbincangan dengan Syarikat K & I dan MDFC sejak ianya beroperasi. Sila nyatakan jumlah bot-bot kepunyaan K & I dan MDFC yang didaftarkan dan beroperasi sekarang dan dimanakah pengkalan tetap bot-bot berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan sering mengadakan perbincangan dengan Syarikat K & I dan MDFC dari masa ke semasa. Pada masa ini jumlah bot milik K & I dan MDFC yang didaftarkan adalah masing-masing sebanyak 40 unit dan 28 unit. Bilangan bot K & I yang beroperasi ketika ini adalah 32 unit dan MDFC sebanyak 5 unit. Bot-bot bagi kedua-dua syarikat tersebut ketika ini berpangkalan di Pelabuhan Kuantan, Pahang.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana menjadi pengetahuan umum di kalangan nelayan bahawa terdapat bot-bot dari syarikat yang berkenaan mendarat di pengkalan di negara-negara asing atau

negara jiran, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian berhubung dengan perkara ini?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji

Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini ada dua syarikat, satu K & I dan satu lagi MDFC. Mengenai dengan Syarikat MDFC daripada jumlah bot yang diluluskan sebanyak 28 unit, ekoran daripada pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan, maka sebanyak 20 unit bot belum lagi diperbaharui lesen. Ini menunjukkan bahawa Jabatan telah mengambil tindakan ekoran daripada perkara yang dibangkitkan oleh orang ramai termasuk juga yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Marang.

**RASUAH DI KALANGAN
KAKITANGAN KERAJAAN**

10. Che Ibrahim bin Mustafa minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes rasuah yang melibatkan kakitangan Kerajaan berdasarkan kumpulan/kategori pekerjaan;
- (b) apakah sebab-sebab utama berlakunya aktiviti rasuah;
- (c) apakah kes-kes begini akan menjejaskan imej Kerajaan yang 'Bersih, Cekap dan Amanah'; dan
- (d) nyatakan langkah yang dilakukan untuk membendung masalah ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, sehingga bulan September tahun ini BPR telah menerima sebanyak 4,022 maklumat yang mengandungi tohmahan tentang rasuah dan penyelewengan terhadap

kakitangan Kerajaan. Kumpulan kakitangan yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Kumpulan A seramai	830 orang
2. Kumpulan B seramai	348 orang
3. Kumpulan C seramai	614 orang
4. Kumpulan D seramai	359 orang
5. Umum seramai (tidak dapat dipastikan kumpulan)	1,871 orang
Jumlah	<u>4,022 orang</u>

Punca utama yang menjadi asas menyebabkan aktiviti rasuah berlaku mengikut pengalaman Badan Pencegah Rasuah ialah kelemahan yang terdapat pada diri individu itu sendiri yang mempunyai sikap negatif seperti tamak, ingin cepat kaya, menyelenggara hidup yang lebih tinggi daripada pendapatan, mementingkan diri sendiri dan sebagainya. Sikap negatif yang ada pada seseorang individu itu boleh menjejaskan perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, hanya segelintir sahaja kakitangan Kerajaan yang bersikap begitu dan ketakutan mereka boleh dikawal. Oleh yang demikian, saya yakin ianya tidak menjejaskan imej Kerajaan yang bersikap bersih, cekap dan amanah.

Langkah-langkah utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membendung masalah rasuah ialah:

- (i) mengatur program pendidikan agama dan moral seperti mengadakan ceramah, dialog, seminar, forum dan lain-lain;
- (ii) menerapkan nilai-nilai murni termasuk agama Islam dalam budaya kerja kakitangan Kerajaan;
- (iii) melancarkan operasi-operasi mengejut di Jabatan-jabatan Kerajaan;

- (iv) mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pegawai-pegawai tentang usahasama dalam pencegahan rasuah dan penyelewengan;
- (v) mengedarkan bahan-bahan penerapan yang bertemakan pencegahan rasuah kepada kakitangan Kerajaan; dan
- (vi) memperakukan supaya tindakan tatatertib diambil ke atas kakitangan Kerajaan yang didapati melakukan penyelewengan di dalam tugas-tugas rasmi mereka.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Amalan rasuah dalam Perkhidmatan Awam adalah terlalu umum dan rasuah selalu berlaku bila ada ruang atau peluang membuat rasuah. Soalan saya ialah selain daripada langkah-langkah yang telah disebutkan tadi, adakah Jabatan Perdana Menteri mahupun Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan arahan kepada semua jabatan supaya mengadakan peraturan-peraturan kerja yang boleh menghalang daripada rasuah berlaku?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan telah lama mengeluarkan arahan-arahan ini bahkan slogan-slogan Pencegahan Rasuah, Bahaya Rasuah diletakkan di semua pejabat, di atas meja semua kakitangan Kerajaan. Walau bagaimanapun.....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, bagi dia jawab dahulu.

Tuan Othman bin Abdul:....sudah pastilah keadaan rasuah ini tetap akan berlaku kerana adanya orang yang memberi dan adanya orang yang menerima. Dengan sebab itulah kita

memohon kepada semua ahli masyarakat jangan memberi rasuah dan memohon supaya dapat membual laporan kepada Biro Badan Pencegah Rasuah mengenai kegiatan-kegiatan rasuah yang mungkin telah berlaku dengan bukti-bukti jelas supaya tindakan dapat diambil oleh Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawasanya proses penyiasatan mengikut undang-undang yang ada sekarang begitu sukar untuk menentukan atau membuktikan seseorang itu melakukan rasuah kerana rasuah sekarang ini begitu canggih.

Oleh itu saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk meminda ISA supaya ISA boleh digunakan sebagai salah satu cara proses penyiasatan terutamanya mereka yang lcrbabit dengan perkara-perkara besar yang boleh memudaratkan ekonomi negara, sekali gus boleh memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kajian-kajian ataupun penyelidikan penyiasatan itu dijalankan dengan cara yang paling rapi kerana ianya melibatkan kehidupan seseorang kakitangan Kerajaan. Kalau kesalahan, mungkin tersalah tuduhan dan pegawai-pegawai itu teraniaya, maka dianya akan rugi. Sebab itu memang kita mengakui bahawa penyiasatan itu sukar kerana kita terpaksa mengambil jalan yang terbaik untuk menyiasat supaya benar-benar orang yang dituduh itu, kalau dia melakukan kesalahan, maka dia disabit kesalahan, maka dia akan dihukum.

Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta ISA bagi mengendalikan kes-kes yang disebutkan sebagai rasuah yang melibatkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.

(Soalan No. 11 Y.B. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 12 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

BALAI BOMBA KULIM

13. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada Kulim akan mendapat sebuah Balai Bomba yang moden dan serba lengkap memandangkan pekan itu akan bertambah lebih pesat penduduknya apabila kawasan perindustrian HITECH dimajukan;
- (b) adakah Balai Bomba itu akan dinaikkan tarafnya dengan kereta-kereta bomba yang moden dan canggih; dan
- (c) adakah Balai Bomba yang sedia ada dilengkapi sepenuhnya untuk menghadapi kemungkinan kebakaran yang melibatkan kilang-kilang perusahaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi bercadang mengganti Balai Bomba Kulim kerana keadaan balai bomba berkenaan adalah lebih baik daripada lain-lain balai bomba yang lebih mendesak untuk diganti terlebih dahulu.

- (b) Balai Bomba Kulim mempunyai keanggoiaan seramai 20 orang. Ianya dilengkapi dengan sebuah kereta bomba dan sebuah van. Walau bagaimanapun, Jabatan Bomba akan menambah kereta bomba dan kelengkapan Balai Bomba Kulim dari masa ke semasa mengikut keperluan.
- (c) Balai Bomba Kulim yang ada mampu untuk menentang sebarang jenis kebakaran yang mungkin berlaku. Anggotanya sentiasa diberi latihan mengenai kebombaan demi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada kebakaran besar berlaku, bantuan boleh diperolehi daripada balai-balai bomba berhampiran seperti Bukit Mertajam, Butterworth, Baling, Sg. Petani, Selama, Parit Buntar dan Nibong Tebal.

VELODROME DI CHERAS— PEMBINAAN

14. **Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kos pembinaan Velodrome di Cheras;
- (b) apakah tujuan asal Velodrome ini; dan
- (c) sejak ia siap dibina, berapa kalikah ia telah digunakan untuk tujuan pertandingan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kos pembinaan Velodrome di Cheras ialah \$10,439,696.90.
- (b) Pembinaan Velodrome tersebut adalah untuk menyediakan tempat kepada pelumba-pelumba basikal negara bagi

menjalankan sesi latihan dan pertandingan. Sebelum pembinaannya, pelumba-pelumba negara kita terpaksa berlatih di negara jiran unluk persediaan menyertai pertandingan lumba basikal peringkat antarabangsa. Memandangkan ketiadaan Velodrome pada masa itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membina Velodrome ini sebagai sumbangan kepada negara semasa Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA ke XV tahun 1989.

- (c) Sejak dibina, Velodrome di Cheras telah digunakan sebagai tempat untuk menganjurkan dua Kejohanan utama setiap tahun iaitu sempena Hari Wilayah dan Hari Merdeka. Mulai tahun 1991 Persatuan Lumba Basikal Wilayah Persekutuan mengadakan kejohanan pada tiap-tiap bulan dengan penyertaan dari Persatuan-persatuan Lumba Basikal Negeri.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa tujuan asal Velodrome di Cheras ini adalah untuk melangsungkan kejohanan pelumba basikal dalam SEA Games yang lalu pada tahun 1989 yang mana tujuan ini tidak dapat dilayankan.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, ini bukan untuk satu tujuan sahaja. Yang saya sebutkan tadi ialah pelumba-pelumba di negara kita terpaksa berlatih di negara jiran. Jadi, itu lidak betullah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu menyatakan peserta-peserta lumba basikal itu terpaksa kena tatih di negara jiran. Adakah benar bahawa terdapat sebuah Velodrome di Negeri Perak

yang baru dibina dan digunakan oleh SEA Game? Adakah benar bahawa Velodrome di Ipoh, Negeri Perak itu tidak setaraf dengan kehendak-kehendak yang ditentukan oleh Kementeriannya? Kalau tidak, mengapa peserta-peserta kita kena berlatih di luar negeri?

Cik Teng Gaik Kwan: Seperti yang telah saya jawab tadi, velodrome ini dibina oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sebenarnya bukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, tetapi saya cuba hendak jawab juga soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

SABAH FOREST INDUSTRIES SDN. BHD,—PERLINDUNGAN TARIF

16. Tuan Radin Malleh minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. tidak diberikan perlindungan tarif ke atas "uncoated woodfree printing and writing paper". Sepertimana yang kita sedia maklum, bahawa Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. mempunyai Kilang Kayu Palpa dan kertasnya sendiri yang pertama dan tunggal dibina di dalam negara kita Malaysia. Demi kepentingan negara sepatutnya perlindungan tarif ini diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, permohonan daripada Syarikat Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. (SFI) untuk mendapatkan perlindungan tarif ke atas "uncoated woodfree printing and writing paper" dengan izin, telah di tolak oleh Kerajaan. Keputusan penolakan

tersebut dibuat setelah permohonannya dikaji dengan teliti oleh satu jawatankuasa khusus yang mengkaji perlindungan tarif kepada industri iaitu Jawatankuasa Penasihat Khas Berkenaan Tarif.

Sebelum perlindungan tarif diberikan kepada sesuatu industri, ianya hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Di antaranya ialah:-

- (i) tidak membebankan pengguna-pengguna terutama golongan yang berpendapatan rendah melalui kenaikan harga barangan siap yang tinggi yang perlu ditanggung oleh mereka;
- (ii) bekalan barangan siap yang dilindungi adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan; dan
- (iii) industri-industri yang diberikan perlindungan adalah berorientasikan eksport dan mempunyai potensi untuk maju.

Tuan Yang di-Pertua, jika perlindungan tarif diberikan kepada SFI, kos pengeluaran industri percetakan mungkin naik apabila duti import yang tinggi dikenakan ke atas bahan-bahan mentah iaitu kertas. Kenaikan harga ke atas barangan siap kesan daripada perlindungan ini dianggap dalam lingkungan 20%. Pada masa ini kemasukan bahan-bahan cetakan seperti buku-buku dan majalah-majalah dari luar negara tidak dikenakan sebarang duti.

Jika perlindungan tarif diberikan kepada pengeluar-pengeluar kertas oleh SFI, keluaran bahan bacaan ataupun tulisan tempatan akan menjadi lebih mahal daripada yang diimport. Dengan itu industri percetakan tempatan akan terjejas oleh kerana terdapat berbagai aktiviti-aktiviti ataupun program-program yang sedang dijalankan oleh Kerajaan dalam meningkatkan minat

membaca di kalangan rakyat, kenaikan harga keluaran bahan-bahan percetakan akan menggagalkan usaha-usaha tersebut.

Tuan Radin Malleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa di antara negara-negara pengeluar kertas dalam ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Pilipina, Taiwan dan lain-lain negara lagi, hanya Malaysia sahaja yang tidak mengenakan import duty bagi uncoated woodfree priming and writing paper yang diimport dan ini mengakibatkan Malaysia menghadapi persaingan hebat due to dumping from the foreign paper produces, dengan izin. Dalam maksud lain, Malaysia terpaksa bersaing dengan kilang-kilang luar negeri di pasaran sendiri. Soalan saya ialah adakah Kementerian sedar dan adakah tidak munasabah perlindungan tarif diberi kepada Sabah Forest Industry melalui pengenaan import duty di antara 25% hingga 35% bagi uncoated woodfree printing and writing paper yang diimport supaya dapat:

- (i) mencegah timbunan pengeluaran ataupun product dumping.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya apa dia? Panjang sangat itu. Satu, dua, tiga itu panjang sangat soalan tambahan, tak boleh panjang macam itu.

Tuan Radin Malleh: Saya cuba hendak qualify apa yang saya tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tahulah, tetapi jangan panjanglah.

Tuan Radin Malleh: Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mencegah product dumping dalam situasi yang berlebihan oleh kilang-kilang luar negeri yang merugikan Malaysia.

Dan juga menstabilkan harga kertas di Malaysia, di samping menggalakkan industri perkayuan tempatan.

Akhir sekali, dengan ini dapatlah Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara pengeluar kertas yang lain tanpa menjejaskan para pengguna tempatan. Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pandangan yang dikeluarkan oleh beliau. Sepertimana apa yang saya telah katakan tadi Kerajaan telah mengkaji permohonan SFI ini dengan teliti dan kita mempunyai polisi-polisi yang betul. Dan saya lelah sebutkan tadi bahawa jikalau kita memberikan perlindungan tarif kepada apa yang dipohon oleh SFI, maka harga bahan-bahan cetakan dalam negara kita ini akan naik. Apa yang sedang dijalankan oleh negara-negara jiran adalah polisi mereka dan kita mempunyai polisi-polisi sendiri dan ini telah memberi kesan yang baik. Walau bagaimanapun, saya juga ialah katakan tadi Kerajaan ingin menjalankan beberapa program untuk meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat dan kemungkinan negara-negara lain mempunyai polisi yang lain. Jadi, saya di sini sekati lagi menegaskan bahawa pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambilkira pada masa depan apabila environment changes, dengan izin.

PROJEK BEKALAN AIR

17. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kerja Raya menyalakan:-

- (a) sejauh mana projek bekalan air negara yang melibatkan pnyerahan kawalan bekalan air negeri-negeri kepada Kerajaan Pusat telah dilaksanakan menerusi penubuhan Lembaga Air Negara; dan

- (b) mengapa Antah Biwater boleh terpilih untuk melaksanakan projek bekalan air negara ini dan bagaimana pemilihan itu dilakukan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan Kerajaan Persekutuan mengambilalih perancangan, perundangan dan pembangunan sumber-sumber air di Semenanjung Malaysia serta penubuhan Lembaga Air Negara masih perlu dirundingkan dengan lebih lanjut dengan Kerajaan Negeri masing-masing.
- (b) Pertanyaan ini telahpun dijawab pada sidang Parlimen yang lepas iaitu semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Mohamed bin Jamrah pada 9.3.1987.

Jika Tuan Yang di-Pertua benarkan, saya baca lagi boleh, tetapi ini ada tiga muka.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga muka. Tak bolehkah ringkaskan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tidak dapat diringkaskan (*Ketawa*), Tuan Yang di-Pertua, sebab ini berkenaan dengan Antah Biwater.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Hantarkan jawapan itu dengan menulis surat kepadanya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Boleh ditulis, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada

di antara projek untuk membawa bekalan air kenegaraan ijugatermasuk satu usaha yang sekarang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka, iaitu untuk meminta bomoh dari Amerika Syarikat untuk membuat hujan tiruan dengan menggunakan tenaga 'chi', dengan izin, yang kini dijamin oleh Kerajaan Negeri Melaka dan tidak mempunyai apa-apa asas saintifik untuk membawa hujan. Adakah ini termasuk juga dalam rancangan Kementerian Kerja Raya. Kalau tidak, bolehkah Kementerian memberikan pandangan terhadap cadangan seperti ini. Mungkin Yang Berhormat dari Selandar yang duduk di sebelah boleh memberikan nasihat. (*Ketawa*)

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak ada kait-mengait dengan pertanyaan asal ini (*Ketawa*), sebab tidak ada berkenaan dengan perkara bomoh di negeri Melaka.

PROTON SAGA—PERATUS KOMPONEN TEMPATAN

18. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa peratuskah komponen tempatan dalam kereta nasional Proton Saga; dan
- (b) mengapakah Kerajaan perlu menaikkan harga kereta Proton Saga.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, peratusan kandungan komponen tempatan bagi kereta nasional Proton Saga sehingga 31hb Ogos, 1991 berdasarkan kos kandungan tempatan dalam harga kereta tersebut yang digunakan di bawah sistem keutamaan am atau,

dengan izin, Generalised System of Preferences (GSP) ialah 69%.

Kerajaan telah bersetuju meluluskan permohonan kenaikan harga kereta Proton Saga kerana harga asas kereta tersebut telah meningkat disebabkan oleh kenaikan yang berlaku pada harga bungkusan ataupun Completely Knocked Down (CKD) pack, dengan izin, dan juga kenaikan nilai matawang Yen. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua elemen; harga bungkusan CKD dan nilai matawang Yen turut sama mempengaruhi harga lain-lain kereta penumpang yang dipasang di negara ini.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kereta Proton Saga ini laris juga jualanannya di beberapa buah negeri di luar negara. Jadi, saya hendak tahu berapakah harga Proton Saga di luar negeri dibandingkan dengan harga di dalam negeri?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, butir-biitir seperti ini saya tidak ada. Saya akan menjawabnya melalui surat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi Setiausaha Parlimen mengatakan setakat ini komponen Proton Saga 69% sahaja. Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu apakah usaha-usaha yang diambil sekarang ini untuk peratusan komponen itu ditinggikan lagi sedikit?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Proton sedang berusaha dengan begitu gigih untuk menaikkan kandungan tempatan di dalam Proton Saga kita. Pada tahun 1992 kita akan mencapai 80% dan saya rasa kita akan sampai ke 100% tidak berapa tahun lagi.

**PERUNTUKAN KEPADA BEKAS
KAMPUNG-KAMPUNG BARU**

19. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai bekas kampung-kampung baru (yang kini ditukar nama kepada kampung):

- (a) jumlah peruntukan yang diberikan untuk pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6);
- (b) jumlah penduduk kampung baru sekarang, bilangan kampung-kampung baru mengikut pecahan negeri;
- (c) mengapa permintaan peruntukan pembangunan sebanyak \$128 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dari Gopeng tahun lalu tidak diluluskan; dan
- (d) sama ada Yang Berhormat Menteri berasa puashati dengan jumlah yang diperuntukkan di bawah KM6 ini dan kalau ya, mengapa, kalau tidak apakah langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Tahat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini secara bertulis kerana jawapannya terlalu detail dan panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Bcrapa muka itu?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Banyak muka. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Boleh beri secara ringkas, bukan semua, tetapi bahagian-bahagian tertentu kerana sekarang soalan tambahan boleh dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia nanti jawab, tak boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Dia jawab, tak boleh. Bolehkah saya buat satu soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa \$128 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, iaitu Yang Berhormat dari Gopeng bahawa beliau akan memohon jumlah ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam, mengapakah beliau sekarang berpuashati dengan satu jumlah yang jauh lebih rendah dengan apa yang mendakwa hanya cukup untuk pembangunan untuk kampung-kampung baru. Bukankah ini satu pembohongan besar oleh MCA sekali lagi terhadap penduduk kampung-kampung baru?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, suka saya menyatakan bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah berpuas hati dengan apa-apa yang kita lakukan untuk rakyat, sentiasa kita memperjuangkan dan mencari jalan supaya dapat memberikan tahap kehidupan yang lebih baik. Kalaulah kita berpuas hati seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, sudah tentulah sama juga langkah-langkah yang diambil oleh DAP dengan keadaan parti yang kelam-kabut sekarang ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dijanjikan yang dipohon oleh Yang Berhormat Menteri adalah diminta oleh semua Kementerian. Kalaulah semua Menteri-menteri memperolehi apa yang diperlukan, perbelanjaan bukan sahaja beribu-ribu juta ringgit, bahkan tenaga manusia untuk melaksanakan segala-galanya untuk dibuat dalam pembangunan sekarang pun tidak berkemampuan

diperolehinya. Oleh sebab itu, ler-paksalah Yang Berhormat realistik sedikit dalam memperjuangkan satu-satu kaum, bukan sahaja Parti DAP memperjuangkan hak orang-orang bukan Melayu atau orang Cina, MCA dan Gerakan adalah parti yang bersungguh-sungguh memperjuangkan hak orang Cina. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis jawab.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, berilah dia jawab. *(Disampuk)* Yang Berhormat Kota Melaka, berilah dia jawab!

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya terlalu jijik uniuik menjawab soalan yang disoal oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka *(Tepulc)* kerana soalan-soalan seperti ini hanya dibangkitkan untuk satu kaum sahaja walhal kita perjuangkan untuk semua kaum. Saya harap soalan seperti ini tidak akan dibangkitkan di dalam Parlimen ini melainkan untuk kepentingan semua kaum. Terima kasih. *(Disampuk)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh, Ipoh. Nanti sekejap, nanti sekejap.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 36 (6). Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengeluarkan sangkaan jahat bahawa soatan yang saya timbulkan adalah hanya untuk satu kaum. *(Disampuk)* Saya rasa ini adalah menyemarakkan perasaan kaum kerana DAP bukan sahaja menimbulkan masalah kampung baru....

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah saya beri keputusan.

Tuan Lim Guan Eng:...telapi juga kampung-kampung dan estet dan saya rasa ini mcnyemarakkan perasaan kaum dan ini salah, DAP adalah untuk semua rakyat Malaysia, tak kira kaum, bukan UMNO untuk orang Melayu sahaja, MCA orang Cina sahaja, MIC orang India! *(Disampuk)* *(Tepuk)* Jangan bohong di sini!

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, tak payahlah. Kesemua kala dia hendak beri rakyat masing-masing. Dalam kempen dialah hero, masing-masing kata, biarlah. Ipoh pula. *(Ketawa)*

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri menafikan bahawa penduduk-penduduk di kampung-kampung baru hanya bagi orang-orang Cina sahaja, tidak termasuk orang-orang Melayu, orang-orang India dan sebagainya. Kalau benar, adakah Timbalan Menteri menafikan kepentingan mereka tidak patut

diambilkira ataupun tidak patut dipelihara. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut sejarah, bahawasanya kampung-kampung baru ini diwujudkan disebabkan kerana persoalan yang timbul daripada loyalty kaum Cina terhadap Kerajaan pada masa itu.

Untuk menentukan supaya ianya terkawal, tidak terlibat dengan kegiatan komunis dan merosakkan kepentingan negara dan keselamatan negara, mereka dikumpulkan di satu kawasan dan diberikan perhatian dan perlindungan. Untuk maklumat Yang Berhormat dari Ipoh, keselesaan hidup di kampung baru adalah jauh lebih baik daripada keselesaan kampung-kampung tradisi orang-orang Melayu. Adakah Yang Berhormat dari Ipoh faham dan tahu bahawa hampir 96% penduduk di dalam kawasan kampung baru mempunyai kemudahan api dan air bahkan di kawasan luar bandar ada yang tidak dapat bekalan api dan air sampai sekarang pun? Adakah Yang Berhormat dari Ipoh dan dari Kota Melaka menyedari hakikat ini?

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

(*Soalan No. 20 Y.B. Tuan Ong Tin Kim tidak hadir*)

MAKLUMAT ORANG CACAT

21. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan mengapa orang-orang cacat dikeluarkan dari bancian negara. Adakah Kerajaan mengakui hakikat bahawa tidak terdapat perangkaan yang lengkap tentang jumlah bilangan orang cacat dalam negara dan bagaimana orang cacat dibantu dan diserapkan dalam

masyarakat tanpa dikenalpasti dan dikelaskan mereka menerusi gerakan banci.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa maklumat mengenai orang-orang cacat adalah diperlukan untuk perancangan negara. Walau bagaimanapun, pengalaman dari banci-banci yang lalu menunjukkan bahawa kaedah banci tidak sesuai untuk mengumpul maklumat mengenai orang cacat dalam sesuatu operasi yang besar seperti Banci Perumahan dan Penduduk seperti mana yang saya jawab tadi. Konsep orang cacat itu sendiri adalah kompleks dan rumit serta tidak mudah difahami oleh kebanyakan orang terutamanya para pembanci.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, menurut daripada jawapan tadi, bolehkah Yang Berhormat baca soalan dalam banci ini mengenai orang cacat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sebab kita baca dan kita fahamlah kita jawab bahawa banci perumahan dan penduduk tadi tidak merangkumi. Kita hendak jumlah itu sahaja. Saya mengatakan bahawa banci orang cacat ini ianya lebih kompleks dan rumit dan ianya dijalankan dan memang ada Kementerian khusus untuk hal itu yang mengambilkira, melihat mereka, memberi dan menjaga kebajikan mereka. Itu pun tak fahamkah?

SKANDAL DEPO PELURU MASJID TANAH

22. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah dan lain-lain badan Kerajaan ke dalam skandal \$71 juta depo peluru Masjid Tanah dan sama ada Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, telah disiasat berkaitan dengan skandal tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kes berkenaan masih lagi di dalam perhatian Badan Pencegah Rasuah Malaysia dan dengan demikian hasil siasatan setakat ini belum dibentangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kemukakan soal yang spesifik khususnya sama ada Menteri Besar Kedah telah dipanggil untuk disiasat dan yang kedua, adakah benar bahawa dalam siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah dalam perkara ini bahawa Badan Pencegah Rasuah sudah mendapati bahawa dokumen-dokumen yang tidak lengkap tidak boleh dicari atau hilang dan tidak dapat kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan dan kenapa ini berlaku?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan bahawa siasatan sedang dijalankan. Tentang Menteri Besar Kedah, kalau sekiranya diperlukan beliau akan dipanggil oleh pihak Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyatakan bahawa pihak BPR akan menyiasat sedalam-dalam yang mungkin walaupun kerjasama tidak diperolehi daripada mana-mana pihak pun, pihak BPR tetap akan menjalankan siasatannya seperti biasa kerana telah ada dituduh penyelewengan dan sebagainya. Pihak Kerajaan akan cuba mencari seberapa banyak bukti yang mungkin untuk menyelesaikan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 23 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 24,

Tuan Lau Dak Kee: Tidak ada Menteri hendak jawab? *(Disampuk)* Tidak ada Menteri hendak jawab!

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Beberapa Ahli: Menteri malas! Makan gaji buta!

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA—BILANGAN

24. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minia Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berikutan dengan kejayaan "Tahun Melawat Malaysia" tahun lalu, adakah Kerajaan bercadang hendak mengulangi lagi kempen "Tahun Melawat Malaysia" bagi kali kedua, Berapakah bilangan pelancong yang melawat Malaysia bagi tempoh 9 bulan tahun ini.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meneruskan kempen-kempen pelancongan untuk memperkembangkan lagi industri pelancongan negara berikutan kejayaan program Tahun Mallamat Malaysia pada tahun 1990. Salah satu kempen yang akan dilancarkan secara besar-besaran ialah kempen melawat Malaysia pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, nama dan tema sebenar kempen tersebut belum diputuskan lagi.

Untuk tempoh 9 bulan pertama tahun 1991 ini, seramai lebih kurang 4 juta orang pelancong telah melawat Semenanjung Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, bilangan pelancong yang melawat ke Sabah dan Sarawak masih belum diperolehi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Periua, saya minta soalan tambahan.

Yang pertama, menurut jawapan yang saya dengar itu, satu Tahun Matlamat Malaysia dan Tahun Melawat Malaysia, apakah perbezaannya? Yang saya tahu tadi itu, saya minta penjelasan.

Yang kedua, adakah benar perbelanjaan bagi Tahun Melawat Malaysia 1991 lebih daripada hasil yang didapati daripada pelancong-pelancong luar negeri, benar atau tidak?

Cik Teng Gaik Kwan: Untuk soalan pertama memang tidak ada perbezaan.

Yang keduanya..... (*Ketawa*) perbelanjaan lebih daripada hasil itu adalah tidak benar.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita difahamkan bahawa statistik pelancong-pelancong ke negeri Sabah dan Sarawak tidak dapat diperolehi. Apakah sebab-sebab jumlah pelancong yang melancong ke Sabah dan Sarawak di mana Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada Malaysia tidak dapat statistiknya sekian lama daripada Januari hingga bulan Oktober ini? Perkara ini telahpun dijawab pada masa dahulu, demikian juga jawapannya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai statistik untuk Sabah dan Sarawak saya minta notis.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

25. **Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci mengenai kejayaan dan pencapaian rancangan Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Rancangan Penerangan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dilaksanakan oleh Kerajaan mulai tahun 1982, dan berdasarkan kepada laporan kajian penilaian yang telah dilakukan bagi mengukur kejayaan dan pencapaian terhadap pelaksanaan rancangan ini, maka dapat dibuat rumusan bahawa ianya telah mencapai sebahagian dari objektif pelaksanaannya yang antara lain seperti berikut:

- (a) menanamkan semangat cintakan nilai-nilai murni di kalangan kakitangan awam;
- (b) menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab;
- (c) menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

Namun demikian, adalah amat sukar untuk menilai pencapaian hasil dari pelaksanaan rancangan ini dalam beniak yang kuantitatif, tetapi secara relatifnya perubahan sikap yang positif telah berlaku dalam Perkhidmatan Awam di negara ini. Di antara perubahan dan kejayaan yang telah dicapai hasil pelaksanaan Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam adalah seperti berikut:

- (i) Institusi-institusi Latihan Kerajaan telah memasukkan modul penerangan nilai-nilai Islam dalam setiap program dan siri kursus yang dilaksanakan dan melibatkan kakitangan Kerajaan di semua peringkat.
- (ii) Peraturan dan Perintah Am Kerajaan telah disesuaikan dengan inspirasi Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam,

- (iii) Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah merancang dan melaksanakan program kursus, bengkel dan sebagainya bagi meningkatkan lagi kesedaran di kalangan kakitangan dalam mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mtilut telah cukup dan Jawapan bagi Penanyaan No. 4, 11, 12, 15, 20, 23 dan 26 hingga 32 adalah diberi di bawah ini)

PERPADUAN DI KALANGAN BELIA

4. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan dan memantapkan perpaduan di kalangan belia; dan
- (b) adakah Kerajaan berpuas hati dengan tahap perpaduan di antara belia-belia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan memantapkan perpaduan di kalangan belia melalui aktiviti-aktiviti Kursus Kepimpinan, perkhemahan, kegiatan rekreasi luar dan sukan. Aktiviti tersebut bertujuan untuk melahirkan rasa kekitaan dan kepunyaan hormat-menghormati sebagai warganegara yang mantap dan cintakan negara serta bersedia menghadapi cabaran.

- (b) Saya amat berpuas hati dengan tahap perpaduan di antara belia-belia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menggabungkan penyertaan belia-belia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dalam mengikuti aktiviti-aktiviti kursus, seminar, konvensyen dan program lawatan sambil belajar. Melalui program berkenaan telah dapat menanamkan semangat persefahaman dan kerjasama di antara satu dengan yang lain.

RUANG UDARA UNTUK LATIHAN KETENTERAAN

11. Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan dalam perjanjian "ruang udara bersama" dengan Singapura terulama untuk latihan ketenteraan, adakah Kerajaan memastikan kawasan yang dipersetujui terletak jauh dari kawasan penempatan penduduk dan kawasan perindustrian supaya peristiwa kemalangan baru-baru ini di Pasir Gudang tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Perjanjian ruang udara untuk latihan ketenteraan dipersetujui oleh kedua-dua Kementerian. Ruang udara lalihan yang diperuntukkan adalah kawasan hutan Selatan Negeri Pahang dan Laut China Selatan. Kawasan-kawasan ini telah dikaji dengan terperinci dan terlelak jauh dari kawasan penempatan penduduk dan kawasan perindustrian.

Pesawat yang terhempas di Pasir Gudang baru ini adalah pesawat yang hendak berlepas menuju ke tempat latihan. Kejadian seperti ini adalah luar kawalan yang tidak dapat dielakkan.

**PENSWASTAAN AGENSI
KERAJAAN—NASIHAT IMF**

12. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah maksud delegasi IMF yang membuat lawatan ke Malaysia menasihati Kerajaan supaya sederhana dalam galakan-galakan untuk memperkembangkan penswastaaan dalam negara. Apakah perkara atau perkembangan yang sempat diperhatikan oleh delegasi IMF sehingga nasihat sebegini diberi; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan bercadang bertindak balas terhadap nasihat IMF, Apakah kesan tindak balas Kerajaan ke atas usaha-usaha penswastaaan, sama ada di segi kepantasan men-swastakan sesuatu projek atau bilangan projek yang akan diswastakan, serta jenis projek yang akan dikaji semula. Setakat ini, apakah amaun wang rakyat yang digunakan untuk penswastaaan.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Saya sukalah menjelaskan bahawa lawatan delegasi KWA atau IMF ke Malaysia adalah suatu aktiviti tahunan. Sebagai anggota IMF tersebut, Malaysia tertakluk kepada beberapa kewajipan keahlian, termasuk rundingan dengan pegawai-pegawai IMF setiap tahun yang lebih dikenali sebagai Rundingan Artikel IV. Pada tahun ini, delegasi IMF telah membuat lawatannya pada bulan Mei dan seperti biasa perbincangan secara menyeluruh telah diadakan dengan beberapa Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan serta pihak swasta mengenai keadaan semasa ekonomi negara dan

prospek pertumbuhan. Dasar dan program-program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan juga dibincang. Di dalam laporan penilaian yang dibuat selepas lawatan itu, pihak IMF telah mencuji Kerajaan di atas prestasi ekonomi yang begitu memuaskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa perbincangan diadakan pihak IMF tidak mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengurangkan galakan-galakan untuk memperkembangkan penswastaaan di negara kita. Apa yang dinyatakan oleh laporan IMF ialah ia memberi sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk meneruskan program penswastaaan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan juga agensi-agensi Kerajaan sebagai salah satu cara meringankan beban kos pentadbiran.

- (b) Kerajaan telah menetapkan prosedur-prosedur tertentu bagi melaksanakan program penswastaaan, umpamanya lanjutan daripada Pelan Induk Penswastaaan, Kerajaan telah merangka Pclan Tindakan Penswastaaan (PTP) dua tahunan (two-year rolling plan). PTP akan mengenalpasti, menilai dan mengkaji entiti-entiti untuk diswasta dan disusun semula bagi membolehkan penswastaaan dilaksanakan. Bagi tempoh 1991-1992, PTP telah mengenalpasti 27 entiti untuk diswastakan manakala 56 lagi untuk disusun semula sebelum diswastakan. Perbelanjaan Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan program penswastaaan berjumlah \$6.2 juta. Wang ini digunakan untuk membayar perunding

menjalankan kajian kemungkinan penswastaaan syarikat-syarikat Kerajaan. Pelan Induk Penswastaaan sahaja melibatkan perbelanjaan berjumlah \$1.06 juta.

KEKURANGAN PEKERJA

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sumber Manusia menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) bilangan dan jenis kekurangan pekerja yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang; dan
- (b) bilangan dan jenis pekerja negara perlukan untuk melatih dan mengeluarkan dalam masa 30 tahun akan datang bagi merealisasi Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

- (a) Bilangan sebenar kekurangan pekerja yang dialami oleh negara tidak dapat diketahui dengan tepat. Tambahan pula bilangan kekurangan pekerja sentiasa berubah khususnya di kebelakangan ini berikutan perkembangan ekonomi yang begitu pesat. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang ada pada Kementerian Sumber Manusia, sebanyak 30,000 pekerjaan dalam sektor perladangan telah diisi oleh pekerja asing. Bagi sektor-sektor yang lain, Kementerian akan dapat menentukan kekurangan sebenar hanya selepas Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing yang ditubuhkan untuk melaksanakan dasar pengambilan pekerja asing yang diluluskan oleh Jemaah Menteri baru-baru ini mengkajinya. Dari segi jenis pekerjaan yang mengalami kekurangan bekalan tenaga pekerja, ianya adalah berbeza

di antara satu sektor dengan sektor yang lain. Beberapa contoh jenis pekerjaan utama yang mengalami kekurangan pekerja adalah seperti berikut:

(i) Sektor Perkilangan

Jurutera dan juruteknik dalam pelbagai bidang, pembuat alat dan acuan, pemesen kemahiran tinggi, pereka bentuk/fesyen serta pekerja mahir dan separuh mahir seperti tukang jahit, pekerja pemerosesan kayu, "turners", operator "lathe", jurugegas, penjaga jentera, "plastic mould setters", "plastic injection moulders" dan operator pengeluaran.

(ii) Sektor Pembinaan

Pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir seperti tukang kayu, penyusun batu-bata, pembuat konkrit, tukang besi, tukang plaster, pemasang ubin, penyelia projek dan juruteknik awam.

(iii) Sektor Pertanian

Perumput, penoreh getah dan pemetik kelapa sawit.

(iv) Sektor Perkhidmatan

Pekerja-pekerja dalam perkhidmatan hotel dan restoran, seperti tukang masak, penyelia, pelayan dan penyambut tetamu.

- (b) Bilangan dan jenis keperluan tenaga kerja pada masa hadapan banyak bergantung dan dipengaruhi oleh tahap pertumbuhan ekonomi, perubahan struktur ekonomi negara dan peralihan teknologi pengeluaran yang menjimatkan penggunaan

tenaga kerja. Jangkamasa 30 tahun adalah suatu lempoh yang terlalu panjang untuk membuat anggaran keperluan tenaga pekerja. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1991-2000, tambahan pekerja seramai 2.4 jutadiperlukanuntukmemenuhi jangkaman keperluan pasaran buruh negara. Daripada anggaran ini, sebanyak 13.5% adalah dalam kategori pekerjaan ikhtisas dan teknik, 38.4% pekerjaan pengeluaran, 20.4% pekerjaan jualan, 15.3% pekerjaan perkhidmatan, 10.4% pekerjaan perkeranian dan 4.3% pekerja pentadbiran dan pengurusan. Keperluan pekerja dalam kumpulan pekerjaan pertanian dijangka mengalami pengurangan sebanyak 2.3%. Di dalam kumpulan pekerjaan ikhtisas dan teknik, misalnya seramai 30,000 jurutera dan 123,000 juruteknik diperlukan dalam tempoh tersebut. Manakala keperluan pegawai perubatan pula adalah dijangka seramai 4,400 orang.

DISIPLIN PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH

20. **Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa "discipline" di sekolah-sekolah khususnya menengah, semakin hari semakin buruk. Apakah rancangan-rancangan atau langkah akan atau sedang diambil oleh Kementerian untuk memulih "discipline" sekolah-sekolah. Apa kesannya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan disiplin pelajar di sekolah-sekolah lidaklah membimbangkan seperti jangkaman Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat tentang masalah

tersebut. Langkah ketara yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk membaiki disiplin di sekolah-sekolah adalah dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mana memberi penumpuan khusus kepada pemupukan nilai-nilai murni untuk membentuk murid-murid yang berdisiplin dan berakhlak mulia. Penerapan nilai-nilai murni bukan sahaja dikhususkan kepada mata-pelajaran Agama dan Pendidikan Moral, tetapi juga dalam matapelajaran lain dalam kurikulum dan juga kegiatan-kegiatan ko-kurikulum.

Selain dari itu, di antara usaha lain yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk memperbaiki disiplin murid adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Murid di peringkat sekolah, daerah dan negeri,
- (ii) Mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan, ceramah dan bengkel-bengkel kepada guru-guru, guru besar dan pengetua mengenai amalan dan tatacara tindakan disiplin pelajar di sekolah.
- (iii) Menyediakan dan mengedar garis panduan untuk membetulkan amalan dan tatacara disiplin murid kepada guru-guru dan ibu bapa.
- (iv) Melaksanakan Program Pembangunan Iklim Sekolah untuk mewujudkan suasana "Love and care" dalam amalan harian murid.
- (v) Memberi khidmat bimbingan, kaunseling dan ceramah kepada pelajar-pelajar untuk pembentukan dan peningkatan disiplin.

Dengan langkah-langkah tersebut di atas, kesannya adalah positif dan disiplin terkawal.

SISTEM PELAKSANAAN PROJEK DI SABAH

23. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sejak Kerajaan Negeri Sabah berada di luar Barisan Nasional, maka ianya tidak lagi menyalurkan pengendalian sebarang pelaksanaan projeknya menerusi Pejabat-pejabat Daerah memandangkan bahawa Pejabat Daerah adakah kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah. Persoalannya:

- (a) adakah tindakan sedemikian itu sememangnya berdasarkan kepada "Arahan Perbendaharaan Negara" ataupun termaktub dalam Perlembagaan Malaysia (Malaysia Law);
- (b) kalau ya, maka "artikel" berapa dan ceraihan apakah dalam arahan atau Perlembagaan tersebut; dan
- (c) kalau tidak, mengapa memperlakukan sesuatu yang tiada dalam peraturan.

Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kerajaan sentiasa mengkaji dan menilai semula Sistem Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa dan setempat supaya projek-projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi faedah kepada rakyat sebagaimana yang dirancang.

Sistem Pelaksanaan Projek-projek di Sabah telah diubahsuai atas dasar bahawa pengendalian projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sewajarnya dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi Persekutuan. Dengan cara ini, sebarang masalah pelaksanaan yang timbul dapat diatasi segera melalui rundingan dan arahan secara terus kepada agensi-agensi Persekutuan berkenaan.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Sistem Pelaksanaan ini menolak sebarang kerjasama dari Pejabat Daerah atau mana-mana agensi negeri yang boleh bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di Sabah. Sistem pelaksanaan ini tiada kaitan dengan mana-mana Arahan Perbendaharaan atau Perlembagaan Malaysia.

PENAGIH DADAH—BILANGAN

26. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang diketahui di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan penagihan dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penagih yang pertama kali dikesan dari tahun 1970 sehingga Jun 1991 secara kumulatif ialah seramai 156,046 orang. Dalam tempoh Januari-Jun 1991, seramai 3,263 penagih baru dikesan manakala 7,372 penagih baru telah dikesan dalam tahun 1990.

Memandangkan bahawa dadah masih merupakan satu masalah yang serius dan berleluasa di negara ini, Kerajaan telah mengambil tiga langkah utama untuk membanteras dan menghapuskan penagihan dadah. Tiga langkah utama tersebut ialah:

- (i) Pencegahan Awalan;
- (ii) Rawatan dan Pemulihan; dan
- (iii) Pengukuasaan Undang-undang.

Pencegahan awalan adalah merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang daripada terlibat dengan penggunaan dadah sebelum ianya

bermula. Dalam strategi ini usaha-usaha pencegahan awalan bertujuan membentuk pemikiran generasi muda akan datang supaya membenci dadah, mengubah sikap dan persepsi masyarakat terhadap kegiatan dadah dan menyediakan alternatif-alternatif untuk menyekal ahli-ahli masyarakat dari terlibat dengan dadah.

Langkah rawatan dan pemulihan adatah untuk memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah penagihan semula. Usaha pemulihan penagihdadahadalahberbentuk reformatif di mana penagih-penagih dipulihkan dari satu keadaan penagihan kepada suatu perwatakan yang bebas dari pengaruh dadah.

Penguatkuasaan undang-undang adalah bertujuan untuk mencegah kemasukan dadah melalui pintu-pintu masuk di kawasan-kawasan sempadan yang sah dan laluan haram serta membanteras penganjuran dan penjualan dadah dalam negara. Rasional asas kepada langkah ini ialah supaya dadah sukar didapati oleh penagih-penagih serla merbahaya dan berisiko tinggi untuk dimiliki, dijual atau menggunakannya. Dalam langkah ini juga Malaysia mempunyai kerjasama yang baik di peringkat antarabangsa, lerutamanya dengan negara-negara jiran supaya mencegah penganjuran dan kemasukan dadah.

PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN KE CHINA

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-musabab Kerajaan tidak membenarkan murid-murid kita pergi belajar di Republik Rakyat China untuk kursus peringkat ijazah biasa; dan
- (b) adakah benar bahawa Kerajaan Barisan Nasional kurang

keyakinan melawan komunisma merupakan faktor utama menghadkan murid kita pergi belajar di RRC; jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soal sama ada membenarkan atau tidak pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di peringkat ija/ah biasa di Republik Rakyat China belum lagi diputuskan oleh Kerajaan kerana ianya masih lagi dalam kajian. Kajian ini adalah perlu bukan sahaja untuk meneliti dari segi kesesuaian matapelajaran dan peluang-peluang masa hadapan kepada pelajar-pelajar, tetapi juga dari segi kesesuaiannya dengan kehendak-kehendak pembangunan dan kepentingan negara. Oleh yang demikian, soal kurang keyakinan Kerajaan Barisan Nasional melawan komunisma dalam memberi perimbangan mengenai perkara ini tidak berbangkit.

MAJALAH TERBITAN ARQAM—KAJIAN

28. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berikutan Arqam didapati mengamalkan ajaran yang salah di sisi Islam, adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula kandungan segala buku-buku dan majalah terbitan Arqam dan selanjutnya mengharamkan segala penerbitan yang didapati mencanggahi ajaran Islam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengkaji segala buku dan majalah terbitan Arqam dan jika penerbitan tersebut didapati bercanggah dengan ajaran Islam, penerbitan berkenaan akan diharamkan menurut peruntukan undang-undang di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

**INTERPOL POLIS DIRAJA
MALAYSIA**

29. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang mengujudkan satu pasukan khas INTERPOL Malaysia untuk mencari anak perempuan muda yang dibawa keluar negara untuk kegiatan maksiat memandangkan keadaan maksiat telah menjadi begitu ketara;
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang supaya sesiapa yang menggunakan anak perempuan muda untuk aktiviti maksiat dikenakan hukuman lebih keras seperti sebatan roian memandangkan kehilangan anak perempuan kian bertambah; dan
- (c) jika tidak, sama ada undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk mengawal keadaan pada masa sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bahagian INTERPOL Polis DiRaja Malaysia yang sedia ada mampu menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dan sentiasa mendapat kerjasama yang baik dari negara-negara asing, termasuklah dalam membantu mengesan anak-anak perempuan muda yang dibawa keluar untuk tujuan maksiat.
- (b) & (c) Buat masa ini peruntukan dalam undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan membanteras dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelacuran, seperti hidup di atas hasil seseorang pelacur, orang-orang yang mengendalikan kegiatan pelacuran serta seseorang

pelacur yang mempelawa seseorang untuk melakukan hubungan seks. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang itu.

**PAKULTI KEJURUTERAAN
UNIYERSITI MALAYA—
KEKURANGAN KAKITANGAN**

30. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab kekurangan staf akademik di Pakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan kakitangan akademik di Pakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan calon yang berkelulusan di peringkat sarjana dan Ph.D yang berminat untuk menjadi ahli akademik di universiti. Kekurangan ini adalah kecil dan tidak menjejaskan pengajaran di fakulti tersebut. Pihak universiti telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini seperti:

- (a) melatih tenaga pengajar muda untuk mengikuti kursus ke peringkat Sarjana dan Ph.D;
- (b) melantik pensyarah kontrak dari dalam dan luar negeri;
- (c) menjemput pensyarah pelawat daripada luar negeri; dan
- (d) mengadakan skim perkhidmatan yang lebih menarik (Skim Saraan Baru).

**UNIYERSITI DI SARAWAK—
PENUBUHAN**

31. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri

Pendidikan mengenai penubuhan sebuah universiti penuh akan diwujudkan di Sarawak. Rakyat Sarawak sangat mengalu-alukan dan berterima kasih atas keputusan ini. Oleh kerana projek ini tidak termasuk di dalam senarai RM6 Negeri Sarawak, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan mengenai soalan berikut:

- (a) adakah universiti ini akan menggunakan Kampus UPM di Bintulu ataupun satu kampus baru akan didirikan di tapak yang lain;
- (b) berapakah peruntukan yang telah disediakan dalam RM6 untuk melaksanakan program universiti ini;
- (c) dalam tahun berapakah Graduan Sarjana Muda pertama dari universiti ini akan dikeluarkan; dan
- (d) adakah universiti ini akan mengendalikan kursus-kursus yang khusus sahaja ataupun meliputi bidang-bidang am seperti universiti-universiti lain di negara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perancangan kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu Sarawak itu akan dijadikan nuklias kepada universiti yang akan dibangunkan di Sarawak kelak.

Dalam RM6 peruntukan sebanyak \$94.11 juta telah diberikan kepada kampus tersebut untuk pembangunan infrastruktur dan sebagainya.

Oleh kerana universiti yang akan ditubuhkan di Sarawak adalah dalam proses perancangan, maka adalah terlalu awal untuk memaklumkan bila graduan yang pertama akan dikeluarkan.

Sepertimana juga universiti-universiti tempatan yang lain, universiti di Sarawak ini akan mengadakan program-program peringkat ijazah yang diperlukan oleh negara seperti Kursus Sains Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Sains Sosial, Pengurusan dan kursus-kursus lain yang difikirkan sesuai.

PEGAWAI HUTAN KELANTAN DITANGKAP DI THAILAND

32. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setelah berlaku penangkapan beberapa pegawai hutan Kelantan oleh pihak Thailand dan diikuti pula dengan insiden pencerobohan pasukan keselamatan Thai di Perlis:

- (a) apakah terdapat rundingan antara pihak Malaysia dan Thailand untuk memperbaiki hubungan antara kedua negara; dan
- (h) apakah terdapat perjanjian atau persefahaman bersama untuk menghantar balik penjenayah atau pelarian politik antara kedua buah negara.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua kes tersebut telahpun diselesaikan dengan sebaik-baiknya melalui perbincangan dan persefahaman di antara kedua buah negara. Untuk pengeluhan Ahli Yang Berhorrnat, Malaysia dan Thailand memang mempunyai berbagai-bagai forum seperti Suruhanjaya Bersama, Jawatan-kuasa Kerjasama Sempadan dan mesyuarat tahunan di antara kedua Perdana Menteri untuk menjamin hubungan baik kedua buah negara dipererat dan dipertingkatkan.

- (b) Merujuk kepada pertanyaan kedua, ingin saya maklumkan bahawa Malaysia dan Thailand memang mempunyai per-sefahaman di dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT
18**

**HUKUMAN SEBAT KE ATAS
PENAGIH DADAH**

3.35 *ptg.*

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong);
Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) dan Usul saya adalah seperti yang berikut:

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Karpal Singh untuk merundingkan penangguhan Dewan bagi tujuan untuk membincangkan suatu perkara tertentu untuk kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) iaitu, perkara berhubung dengan hukuman sebatan yang dijatuhkan ke atas penagih dadah, Aaron Cohen Shelton dengan penolakan kes Mahkamah Agung Malaysia Rayuan Sivil No. 1/10/1991— Aaron Cohen Shelton Iwn 1. Jemaah Pengampunan Pulau Pinang dan 2. Pendakwa Raya.

Tuan Speaker, bahawa ini adalah suatu perkara tertentu kepentingan orang ramai atas alasan-alasan berikut:

- (1) Jemaah Pengampunan Pulau Pinang telah menolak permohonan Aaron Cohen Shelton supaya dikecualikan dari menerima enam sebatan rotan yang dijatuhkan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

pada 1hb September, 1987 bersama-sama dengan penjara seumur hidup. Hukuman sebatan telah dijatuhkan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya selepas Mahkamah berpendapat ia adalah seorang peoagih dadah. Pada mulanya Aaron Cohen Shelton telah dituduh untuk pengedaran dadah bersama ibunya, Cohen Lorraine Philis. Hukuman sebatan rotan telah dikekalkan oleh Mahkamah Agung pada 21hb Ogos, 1989 selepas pendapat Mahkamah Tinggi Pulau Pinang mengenai Aaron Cohen Shelton sebagai seorang penagih dadah disahkan.

- (2) Pada 1hb April tahun ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid, selepas terbuka puasa di Bendang Sungai Kerawai dekat Teluk Intan telah memberitahu wartawan-wartawan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang menyebat penagih-penagih dadah kerana mereka adalah dianggap sebagai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan. "Oleh sebab mreka adalah sakit, mereka memerlukan rawatan melalui pemulihan dan bukanlah dengan diberi sebatan rotan", Timbalan Menteri tersebut telah berkata pada masa itu. Kenyataan selanjutnya Timbalan Menteri tersebut boleh diterima sebagai pendirian Kerajaan dalam perkara tersebut.
- (3) Penagih-penagih dadah patut dipulihkan dan bukannya disebat rotan. Mcngcnakan kekerasan ke atas seorang yang sakit adalah biadab dan akan memalukan negara ini dalam pandangan dunia antarabangsa.

- (4) Penolakan oleh Jcmaah Pengampunan, Pulau Pinang terhadap petisyen Aaron Cohen Shelton untuk dikecualikan daripada sebatan rotan pada 30hb November, 1989 tidak boleh diselaraskan dengan pendirian Kerajaan melalui kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 1hb April tahun ini.
- (5) Seksyen 39A memperuntukkan untuk sebatan mandatori tanpa mengambil kira sama ada orang yang dihukum telah didapati sebagai suatu kenyataan oleh Mahkamah bahawa seseorang itu adalah seorang penagih dadah yang memiliki dadah untuk kegunaannya sendiri.
- (6) Seksyen 39A telah diperbuat sebelum perintah Mahkamah Agung pada 21hb Ogos 1989....

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bangun.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Pasal apa, Yang Berhormat?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Ini point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: 35 (6)—Peraturan-peraturan Berbahas, yang berbunyi:

"35 (6) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji

menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat menerangkan, adakah faedah kewangan bagi diri?

Tuan R Karpal Singh: Yang Berhormat itu ingat dia pandai, Tuan Yang di-Pertua. Tidaklah ada apa-apa faedah. Selepas rayuan dalam kes ini, saya tidak ada apa-apa faedah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Sila teruskan.

Tuan R Karpal Singh: Tadi saya telah diganggu atas tidak ada apa-apa sebab Yang Ariff..... (*Ketawa*)

(6) Seksyen 39A telah diperbuat sebelum perintah Mahkamah Agung pada 21hb Ogos, 1989,....

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: On a point of order,

Tuan Yang di-Pertua: Point of order berapa?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 35....

Tuan Yang di-Pertua: 35 berapa?

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 35 (1).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dahpada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolch Yang Berhormat. Point of order sahaja, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: On a Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa beliau tidak ada apa-apa kepentingan kewangan dahulu. tetapi oleh kerana keputusan telah dibuat dan mungkin mreka yang telah dibela oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong hari ini mungkin hendak kena sebat, maka sebab itulah beliau membangkitkan perkara ini di dalam Majlis Mesyuarat kita pada hari ini,

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu bukanlah satu point of order. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R Karpal Singh: Lagi seorang Timbalan Menteri yang bodoh. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta tarik balik perkataan 'bodoh'. Yang Bcrhormat, minta tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan R Karpal Singh: Baik, saya tarik balik, tetapi kurang waras. *(Ketawa)* Saya sambung,

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita sama-sama kena menghormati.

Tuan R Karpal Singh: Sedikit waras, bukan kurang waras, sedikit. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya pun boleh kata juga, tetapi saya gentleman sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Tuan R Karpal Singh: Gentleman, boleh duduk!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormal dari Jelutong tidak patut gunakan perkataan ini.

Tuan R Karpal Singh: Gentleman, boleh duduk, Bukan? Duduk!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Gha/ali: Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau memperkecil-kecilkan Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan order tadi.

Tuan R Karpal Singh: Lain kali jangan kacau dalam keadaan seperti ini. *(Disampuk)*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bukan kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Jelutong.

Tuan R Karpal Singh: Saya ulangkan, Yang Ariff. *(Ketawa)*

(6) Seksyen 39A telah diperbuat sebelum perintah Mahkamah Agung pada 21hb Ogos, 1989 dalam kes Aaron Cohen Shelton dan ibunya, Cohen Lorraine Philis, bahawa pembelaan pemilikan dadah untuk penggunaan seseorang sendiri boleh menjadi satu pembelaan dari segi undang-undang dalam sesuatu pertuduhan pengedaran dadah supaya mengurangkannya kepada pemilikan di bawah Seksyen 39A ini.

- (7) Melainkan kes Aaron Cohen Shelton, terdapat lain banduan-banduan tempatan dalam kedudukan yang sama.
- (8) Seksyen 39A memerlukan pindaan yang serta-merta untuk memperuntukkan supaya Mahkamah undang-undang boleh mengecualikan banduan-banduan yang didapati salah di bawah seksyen itu dan didapati sebagai suatu kenyataan seorang penagih dadah.
- (9) Dengan penolakan rayuan oleh Mahkamah Agung pada 29hb Oktober tahun ini pelaksanaan hukuman sebatan rotan ke atas Aaron Cohen Shelton akan berlaku pada bila-bila masa.
- (10) Ia akan dikeji sekiranya hukuman sebatan rotan ke atas Aaron Cohen Shelton dan lain-lain orang dalam kedudukan yang sama dilaksanakan tanpa Dewan ini membincangkan perkara tersebut dengan serta-merta supaya memberi makna kepada kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 1hb April tahun ini bahawa penagih-penagih dadah patut dianggap sebagai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan melalui pemulihan, dan bukan sebatan rotan.

Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Jelutong pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang-kan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah ia adalah bagi kepentingan orangramai, dan syarat yang ketiga, ia berkehendakkan disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa (a) ini adalah perkara tertentu; (b) perkara ini adalah bagi kepentingan orangramai; tetapi (c), pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga menanggungkan persidangan Dewan. Proses hendak meminda mana-mana undang-undang tidak seharusnya dibuat melalui Peraturan Mesyuarat 18, dengan kerana masa perdebatan yang diperuntukkan di bawah peraturan ini adalah satu jam sahaja, dan yang demikian lazimnya tidak dapat mencapai apa-apa keputusan. Tambahan lagi, kita sekarang ini berada dalam Persidangan Budget dan apa-apa hujah untuk meminda mana-mana undang-undang bolehlah dikeluarkan untuk perhatian dan tindakan Kerajaan.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 bagi Memperluaskan Pemakaian Akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kehakiman; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Jumaat, 1hb November, 1991.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan tanpa menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 1hb November, 1991 bagi maksud pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Usul Anggaran Pembangunan 1992.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan usul yang telah dikemukakan oleh seorang Menteri yang telah dibacakan tadi bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan tanpa menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat 1hb November, 1991 bagi maksud pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Usul Anggaran Pembangunan 1992.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (30hb Oktober, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan, ya.

3.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan saya hari kelmarin, saya telahpun sentuh atas pindaan kepada Seksyen-seksyen 6, 29 (2), 31 (1), 31 (6) dan 87. Saya akan meneruskan berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Seksyen yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pengenalan Seksyen baru 113A bertujuan mengecualikan syarikat-syarikat luar pesisir yang bukan merupakan sebuah bank luar pesisir atau syarikat insurans luar pesisir atau syarikat luar pesisir yang tidak pernah mempelawa orang awam untuk memohon beli syer dan debenture daripadanya atau mendeposit atau meminjamkan wang kepadanya jika dipersetujui di dalam mesyuarat ahli-ahli daripada melantik juruaudit bagi tahun-tahun kewangan yang mereka fikirkan tidak perlu.

Pengecualian di atas adalah didapati perlu memandangkan ada cadangan-cadangan dari mereka yang terlibat dengan syarikat-syarikat luar pesisir melalui seminar-seminar agar diadakan kelonggaran yang sedemikian. Tambahan pula kebanyakan pusat-pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang lain seperti Bahamas, British Virgin Island, Western Samoa dan Cook Islands.

Adalah pengecualian yang sedemikian dan adalah difikirkan Labuan sewajarnya ada peruntukan yang serupa agar ia menjadi lebih competitive dan menarik berbanding dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan selanjutnya dicadangkan supaya diperkenalkan seksyen baru 150 berlujuannya memberi kuasa kepada Menteri memberi pengecualian kepada sesuatu syarikat luar pesisir dari mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Akta yang juga didapati peruntukan tersebut tidak sesuai kepada sesuatu syarikat luar pesisir yang mungkin menghalang Labuan dari berkembang sebagai suatu IOFC yang menarik. Kuasa tersebut didapati perlu diberikan kepada Menteri sebagai suatu cara yang mudah dan cepat untuk menghapuskan sebarang halangan satu

peruntukan di dalam Akta sekiranya ia didapati tidak wajar. Kuasa yang serupa juga terdapat di dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

Selain dari itu, adalah dicadangkan supaya memperkenalkan seksyen baru 151 berturutan dengan pengenalan seksyen baru 10A ke dalam Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 yang memberi option kepada sesuatu syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir untuk memilih sama ada untuk membayar cukai atau membayar suatu fee kepada Pendaftar Syarikat. Pindaan ini membolehkan bayaran sedemikian dibuat kepada Pendaftar Syarikat. Kuasa yang serupa juga terdapat di dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

Pindaan seterusnya dicadangkan bagi memperkenalkan satu seksyen baru 152 bagi membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi pengecualian kepada pematuhan mana-mana undang-undang oleh syarikat luar pesisir jika didapati sesuatu peruntukan undang-undang itu menghalang perkembangan Labuan sebagai pusat kewangan dan aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa. Pindaan ini dicadangkan kerana didapati perlunya suatu kaedah yang cepat bagi menghapuskan halangan-halangan perundangan memandangkan Labuan adalah suatu yang baru yang terpaksa bersaing dengan IOFC yang lain yang telah lama wujud. Cadangan pindaan yang lainnya hanya menyentuh perkara-perkara kecil dan berturutan dengan cadangan pindaan yang telah saya huraikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya huraikan tadi pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat

luar pesisir di Labuan supaya ia dapat berkembang dengan pesat sebagai pusat kewangan luar pesisir antara-bangsa yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

3.55 *ptg.*

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen,

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat luar pesisir adalah berlainan daripada syarikat-syarikat tempatan yang diperbadankan di bawah Akta Syahkat 1965. Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 adalah merupakan salah satu legal framework, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Labuan beroperasi sebagai sebuah IOFC yang berjaya seperti di Bahamas, Bermuda, Guernsey, Jersey dan Hongkong.

Dengan adanya pindaan kepada peraturan-peraturan dan juga perundangan ini, ianya bukan sahaja akan mengemaskinikan pengawalseliaan yang efisien terhadap aktiviti-aktiviti syarikat IOFC malah ianya juga akan memudahkan lagi segala peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang minimum yang sedia ada

ini akan menjadi lebih flexible dan menjadi lebih menarik kepada para pelabur. Malah pindaan ini akan menjadikan perundangan ini setaraf jika tidak lebih baik dengan perundangan-perundangan di IOFC yang telah maju dan terkenal di dunia ini. Selain daripada itu, Akta ini juga mempunyai ciri-ciri kelonggaran dan mudah dan senang diikuti.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan sebagai IOFC menawarkan berbagai-bagai rangkaian peluang pelaburan yang menarik kepada peniaga antarabangsa dan juga pelabur-pelabur individu. Bagi syarikat-syarikat multinational, Labuan boleh digunakan sebagai sebuah pusat atau sebuah pusat pengkalan serantau atau regional headquarters untuk perniagaan yang biasa terdapat di lain-lain IOFC, manakala syarikat pesisir di Labuan boleh membeli dan menjual atau bergiat dipasaran antarabangsa tanpa tekanan atau beban cukai keuntungan yang tinggi.

Syarikat pesisir di Labuan juga boleh digunakan sebagai pegangan pelaburan di dalam harta, stock, saham atau lain-lain aset kewangan dan boleh memiliki harta alih serta "intellectual properties", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seperti pattern, cap dagang dan hak cipta.

Selain daripada itu, Labuan juga memberikan peluang bagi menjalankan operasi syarikat-syarikat insurans luar pesisir manakala institusi kewangan pula boleh menjadikan Labuan sebagai pusat bagi operasi Bank Antarabangsa. Labuan juga paling sesuai kepada fund managers bagi menubuh dan mengurus pelabuhan luar pesisirnya dan pengurus Unii Amanah atau Unit Trust Pund Management.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, kita sudahpun mempunyai

keperluan-keperluan prosedur yang minimum akan menjadi lebih terbuka dan mengenenpikan segala halangan atau batasan yang ada bagi menarik kemasukan pelabur-pelabur asing ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keistimewaan dan daya larikan yang menjadi salah satu faktor untuk menentukan kejayaan sebuah IOFC, ianya juga bergantung kepada kecekapan atau kepanlasan pihak Pendaftar Syarikat dan dalam kes ini pejabat Pendaftar Syarikat rantau Labuan memperbadankan sebuah syarikat pesisir dalam satu jangka masa yang singkat. Misalnya, ada IOFC yang sudah mampu menubuhkan syarikat pesisir kurang daripada 3 jam dan ada yang mampu bagi memperbadankan sebuah syarikat dalam tempoh satu jam.

Namun demikian, pujian patut diberikan kepada Pejabat Pendaftar Syarikat Rantau Labuan (PPSR Labuan) kerana sudahpun menunjukkan keupayaan menubuhkan syarikat pesisir dalam tempoh dua hari atau kurang sekiranya diperlukan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya percaya kecekapan PPSR ini akan dapat dipertingkat dan dipercepatkan pada masa yang akan datang dan untuk memastikan kejayaan ini, saya ingin menyarankan agar Pejabat Pendaftar ini dapat dilengkapi dengan peralatan komputer yang moden bagi meningkatkan keupayaannya untuk penubuhan syarikat dengan cepat dan bagi tujuan-tujuan pentadbiran dan pengawalseliaan syarikat-syarikat luar pesisir yang ada di Labuan. Adalah menjadi objektif akhir iaitu bagi menjadikan PPSR sebagai sebuah "paperless office". Ini juga penting bagi memberikan confidence kepada para pelabur yang datang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Labuan sudah beroperasi sebagai IOFC selama selahun, terbagai-bagai usaha telah dijalankan termasuklah mengadakan beberapa seminar didalam dan di luar negeri bagi memperkenalkan Labuan sebagai IOFC dan saya juga turut mengalu-alukan sikap Kerajaan yang terbuka terhadap cadangan, maklum-balas dan pertanyaan-pertanyaan dari bakal-bakal pelabur terhadap beberapa peruntukan yang terkandung di dalam "legal framework" yang ada. Pindaan yang dibuat kepada Akta Syarikat Luar Pesisir ini adalah merupakan satu "response" Kerajaan bagi menjadikan Labuan lebih menarik dan setanding dengan IOFC di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini yang dipinda hari ini tidak membenarkan pemastautin Malaysia memegang apa-apa saham dalam syarikat luar pesisir kecuali dalam subsidiari atau cawangan bank dan insurans luar pesisir tempatan dan Pendaftar Syarikat menghendaki penganjur syarikat luar pesisir mengisytiharkan butir-butir berkenaan dengan pegangan saham. Dengan pindaan ini syarikat-syarikat insurans dan bank-bank Malaysia tidak perlu lagi menyatakan struktur pegangan saham syarikat mereka di dalam syarikat-syarikat IOFC. Kita berharap pindaan ini akan memberi peluang dan menggalakkan penglibatan meluas syarikat-syarikat insurans dan bank tempatan dalam pengurusan bank dan insurans antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah dengan pembatalan keperluan bagi menyatakan struktur pegangan syer di dalam bank dan syarikat insurans Malaysia, juga menghapuskan bagi mendapatkan kelulusan daripada Bank Negara terlebih dahulu bagi apa-apa perubahan dan pegangan saham oleh bank-bank dan syarikat insurans luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Pasal 3 yang bertujuan untuk meminda seksyen 29 bertujuan memberi kebenaran kepada bank-bank luar pesisir untuk memberikan pinjaman atau meminjam wang kepada pemastautin Malaysia. Pindaan ini dialu-alukan dan disambut baik oleh peniaga-peniaga tempatan kerana sebelum ini Akta ibu tidak membenarkan syarikat-syarikat luar pesisir berurusan dengan pemastautin Malaysia.

Bank hanya menerima deposit daripada pemastautin dengan prospectus. Deposit ini pun hanya boleh diterima dalam bentuk matawang bukan ringgit dan pindaan ini juga akan membuka avenue yang luas bagi mendapatkan sumber dana dan sekali gus akan menjadikan pasaran wang lebih competitive dan efficient di Labuan dan juga di negara ini. Dengan adanya kelonggaran ini hererti Labuan sekali lagi diletakkan sebagai pusat bagi mendapatkan sumber kewangan atau capital market bagi pelabur-pelabur dan juga peniaga-peniaga tempatan.

Walaupun setakat ini offshore banks di Labuan hanya menerima deposit lebih kurang sebanyak 600 juta dolar Amerika dan pemberian pinjaman lebih daripada 100 juta dolar Amerika, ini sudah jelas menunjukkan kejayaan awal Labuan sebagai IOPC dan bayangkanlah sekiranya Labuan dapat bersaing dengan bank-bank di Singapura yang kini menerima deposit sebanyak USS200 bilion setiap tahun. Pada masa yang sama, saya juga ingin menyarankan agar Bank Negara dan Kementerian Kewangan dapat memperhebatkan usahanya bagi mengarahkan segala pinjaman offshore baru dibuat melalui offshore banks di Labuan dan bagi agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun yang mempunyai pinjaman luar atau dalam negeri supaya mengkaji kemungkinan membuat pinjaman

semula atau re-financing, dengan izin, melalui bank-bank di Labuan, kerana ada kemungkinan untuk mendapatkan saving daripada kos pinjaman semula yang lebih rendah. Ini adalah kerana kos operasi dan kos dana sebuah offshore bank adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar asas pinjaman bank komersial herbanding dengan offshore banks.

Sekiranya ini dapat dilaksanakan, berkemungkinan Kerajaan akan dapat memperolehi saving yang besar selaras dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengurangkan pembaliran dan berjimat-cermat.

Di dalam Pasal yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah dengan kelonggaran ini iaitu membenarkan pemastautin Malaysia untuk mendapatkan kemudahan bank melalui bank luar pesisir atau dengan kata lain peminjam atau pendeposit yang terdiri daripada pemastautin Malaysia boleh membuat pinjaman dan tabungan dengan menggunakan ringgit. Apakah bentuk sekuriti yang boleh dicagarkan dan diterima oleh bank-bank ini? Isu ini penting kerana kedudukan nilai satu-satu matawang termasuklah ringgit adalah bergantung kepada kekuatan dan arus penawaran dan permintaan terhadap matawang yang terlibat dan juga bergantung kepada jumlah permintaan dan penawaran pada satu-satu masa. Ini bererti sekiranya pinjaman dan tabungan boleh dilakukan dengan ringgit, maka pengguna akan terhindar daripada risiko kerugian pertukaran matawang asing (foreign exchange losses), dengan izin. Saya pohon agar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberi penjelasan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 4 (8) adalah merupakan perkara administrative sahaja manakala Pasal 5

memberikan kebenaran bagi perlantikan pengarah pemastautin selain daripada pegawai-pegawai syarikat amanah oleh bank-bank dan syarikat insurans luar pesisir yang dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 menghendaki syarikat pesisir mcmfailkan akaun yang telah diaudit oleh juruaudit yang dilantik kepada Pejabat Pendaftar Syarikat Rantau (PPSR) dan undang-undang ini banyak menerima komen dan pandangan daripada pelabur. Maka dengan adanya pindaan pada Pasal 6, 7, 8 dan 9 dengan memasukkan seksyen baru 113A yang memberikan pengecualian kepada perlantikan juruaudit-juruaudit dalam keadaan-keadaan tertentu dan membenarkan akaun-akaun tak diaudit. Di IOFC lain, Tuan Yang di-Pertua, tiada keperluan bagi syarikat-syarikat offshore untuk memfailkan akaun tahunan kepada Pendaftar Syarikat dan tindakan ini selaras dengan IOFC lain.

Dalam soal ini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah yang dimaksudkan dengan "keadaan-keadaan tertentu"—minta diberikan sedikit misalan di dalam pemberian pengecualian dalam melantik juruaudit-juruaudit oleh suatu syarikat luar pesisir, seperti yang dinyatakan di dalam Huraian Pasal 9.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 10 memasukkan seksyen baru 150, 151 dan 152. Seksyen 151 bertujuan bagi memberi kuasa kepada Menteri dengan syor Pendaftar Syarikat untuk mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada mematuhi mana-mana peruntukan Akta. Seksyen 151 juga bertujuan memberikan pengecualian kepada syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada kehendak membayar cukai atas

keuntungan yang boleh dikenakan cukai apabila pembayar cukai tersebut membuat pilihan untuk membayar suatu fee yang mesti dibayar selewat-lewatnya pada 31hb Mac bagi sesuatu tahun taksiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan mengapakah suatu fee ini yang harus dibayar kepada Pendaftar Syarikat sedangkan di peringkat awal rundingan, ianya telah disyorkan supaya fee yang berjumlah sebanyak \$20,000 ini, sekiranya pihak syarikat memilih untuk membayar fee ini, dibayar kepada Majlis Perbandaran Labuan ataupun Kerajaan Tempatan di Labuan dan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu untuk mendapatkan sumber kewangan bagi Majlis Tempatan berkenaan. Dan sekiranya fee ini dibayar terus kepada Pendaftar Syarikat, apakah Kementerian bercadang untuk memberikan royalti kepada pihak Majlis Tempatan untuk membantu mendapatkan sedikit perolehan ataupun pendapatan bagi Majlis Kerajaan Tempatan khususnya Majlis Perbandaran Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan seksyen ini, syarikat luar pesisir mempunyai pilihan sama ada mahu membayar cukai sebanyak 3% daripada keuntungan atau membayar \$20,000 cukai atau memilih untuk tidak membayar apa-apa cukai tetapi membayarsesuatu fee sebanyak \$20,000. Ini bukan sahaja akan menjadikan undang-undang ini lebih fleksibel tetapi ia juga dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing tentang masalah 'double taxation' dengan negara-negara di mana wujud tax treaty. Negara kita mempunyai sebanyak 32 tax treaties dengan negara-negara asing dan penambahan seksyen ini juga merupakan restropektif kepada pindaan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 yang baru diluluskan dua minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang beberapa perkara berhubung dengan syarikat luar pesisir iaitu mengenai keperluan korporat. Tuan Yang di-Pertua, di IOFC lain seperti di British Virgin Island, Bahamas, Cook Island dan Isle of Man, syarikat luar pesisir dibenarkan mengeluarkan "barrier shares", dengan izin. Dalam hal ini, saya ingin bertanya mengapakah ianya tidak dibenarkan di Labuan dan apakah konsep yang dianggap bercanggah dengan konsep penubuhan Labuan sebagai IOFC, maka barrier shares tidak dibenarkan. Dan jika sekiranya barrier shares dibenarkan, maka Labuan akan lebih menarik lagi kepada pengguna-pengguna IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya juga difahamkan bahawa terdapat banyak permintaan untuk mendapatkan kebenaran bagi syarikat luar pesisir bagi menubuhkan pejabat utamanya di Kuala Lumpur buat permulaannya atas alasan-alasan di Kuala Lumpur sudah mempunyai kemudahan yang sedia ada dan kekurangan fasiliti ini di Labuan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya ingin memohon jasa baik Kerajaan agar tidak akan memberikan kelonggaran ini walaupun ianya dibuat buat permulaannya sahaja. Sekiranya permintaan ini dibenarkan, ianya akan mentiadakan segala peluang pekerjaan kepada anak tempatan terutamanya penyokong-penyokong Barisan Nasional dan saya khuatir rakan saya dari Wilayah Persekutuan iaitu Kepong akan mengembangkan sayapnya ke Labuan nanti.

Seorang Ahli: Tak ada chancelah.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Bukan kita takut. Di mana peluang-peluang pekerjaan yang sedia adapun sudah terhad dan jika ini

dibenarkan ia juga akan mentiadakan hasil-hasil dan peluang-peluang sampingan yang sepatutnya diperolehi oleh peniaga-peniaga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Rang Undang-undang ini, saya pasti kita sudah berupaya dan terbuka dari segi perundangan dan birokratik-nya tetapi kita belum begitu bersedia dan berupaya dalam penyediaan fasiliti dan infrastruktur yang diperlukan sebagai sebuah IOFC. Paktor inilah yang menjadi asas perbandingan untuk memilih IOFC yang digunakan. Paktor-faktor lain yang selalu digunakan ialah bergantung kepada nasihat profesional dan juga recommendation daripada rakan-rakan. Keadaan dan kedudukan politik dan kestabilan serta geographical proximity adalah menjadi faktor untuk membuat perbandingan, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, kita mempunyai perundangan yang cukup tetapi belum bersedia dari segi fizikal walaupun Kerajaan telah menubuhkan task force dan wujudnya Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, kita mempunyai sebuah EXCO Tanah dan lain-lain agensi tetapi, saya selaku wakil rakyat yang sentiasa berada di kawasan saya, merasakan proses pembangunan fizikal dan infrastruktur untuk tujuan pembangunan IOFC ini adalah terlalu perlahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan alasan bahawa Kerajaan harus berhati-hati dan meneliti segala rancangan pembangunan sebelum ianya dilaksanakan, harus juga diingat bahawa pembangunan Labuan sebagai IOFC sentiasa diawasi dan dikunjungi oleh bakal-bakal pelabur untuk menyaksikan perkembangannya. Dan ada yang datang setiap tiga bulan sekali, dan ada juga yang datang setiap enam bulan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir pembangunan yang perlahan ini akan membantutkan usaha dan cadangan mereka yang ingin menggunakan Labuan sebagai IOFC dan untuk membantu mempercepatkan proses pembangunan IOFC ini dari segi infrastrukturnya dan saya ingin menyarankan agar penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan dapat dipercepatkan.

Saya juga ingin menyarankan agar Kerajaan dapat merancang dan menimbangkan supaya sebuah institusi bagi menyediakan infrastruktur profesion yang bersesuaian dapat diwujudkan di Labuan bagi memberikan latihan kepada anak-anak tempatan agar dapat menampung permintaan separuh profesional dalam jurusan yang ada hubungkait dengan kegiatan-kegiatan IOFC misalnya perakaunan, kewangan, insurans dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks yang sama, saya meminta agar jabatan-jabatan dan juga syarikat-syarikat swasta yang dtwujudkan dan bakal diwujudkan supaya dapat menimbangkan dan menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Labuan terutamanya di dalam bidang perkeranian dan yang lain. Dan janganlah semuanya pekerja-pekerja ini diangkut daripada tempat lain ataupun daripada Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, tolonglah kami sedikit, untuk mengurangkan kadar pengangguran yang sudah sedia tinggi dan di antara yang tertinggi di negara ini iaitu sebanyak 11.4%. Dan kalaulah orang Labuan tidak ada yang layak menjadi Pengarah, tidak ada yang layak menjadi Pegawai atau Pendaftar tetapi saya pasti ada yang layak menjadi peon atau menjadi pemandu. Dan pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah lama ditugaskan di Labuan ada yang lima, enam, tujuh tahun, yang

sudah tidak produktif ini (inefficient), dan sudah menjadi menjadi complacent, tolonglah tukar mereka ini cepat-cepat dengan pegawai-pegawai yang lebih bertenaga, yang lebih efficient dan lebih produktif agar dapat membantu proses pembangunan Labuan sebagai IOFC seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menarik balik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa tujuan asal Kerajaan mengisytiharkan Labuan sebagai IOFC ialah bagi mempercepatkan proses pembangunan Labuan sejak ianya dijadikan Wilayah Persekutuan pada tahun 1984. Tuan Yang di-Pertua, sekali gus dengan status IOFC ini Labuan akan menerima berbagai-bagai peruntukan dan projek-projek raksaksa dalam program pembangunan infrastrukturnya, misalnya pembinaan banking district di atas tanah seluas 10 ckar, sebuah hospital nucleus baru yang memakan belanja lebih daripada \$60 juta, yang telah diberikan kontraknya kepada Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. (YTL), sebagai kontraktor turnkey.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan kontraktor harus juga memikirkan dan menimbangkan penglibatan dan juga participasi peniaga-peniaga dan kontraktor-kontraktor tempatan untuk sama-sama mendapat nikmat dan hasil daripada proses pembangunan yang sedang berjalan ini. Pemberian kerja-kerja sub-kontrak harus ditawarkan dan diberikan kepada kontraktor-kontraktor lempatan yang berkeupayaan.

Saya berkeyakinan bahawa kerja-kerja penyediaan lapak boleh dibuat oleh kontraktor-kontraktor tempatan tetapi kerja-kerja tersebut telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang telah mempunyai kontrak besar dengan Sabah Forest Industries di Sipitang dan bukan berasal daripada Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa apa jua projek pembangunan yang akan atau bakal dilaksanakan di Labuan harus mengambil kira dan melibatkan kontraktor-kontraktor tempatan untuk mengambil bahagian atau diberi keutamaan dalam pemberian kontrak-kontrak tersebut. Saya menyarankan agar Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan dalam kes ini dapat mengawasi dan memperbetulkan perkara ini. Dan jangan jadikan kontraktor-kontraktor tempatan sebagai spektator sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan agar pembinaan hospital nucleus yang baru pada masa yang akan datang dibuka kepada kontraktor-kontraktor lain di negara ini supaya kekayaan dan hasil negara ini dapat diagih-agihkan dan dinikmati secara saksama dan jangan beri makan seekor gajah sahaja yang mendapat kenyang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya berbalik kepada pindaan.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, siapa yang dimaksudkan gajah itu?

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu dijelaskan kerana Ahli Yang Berhormat sendiri sudah sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin berbalik kepada pindaan Akta ini, walaupun beberapa kelonggaran telah diberikan, namun saya berharap dari segi pengualkuasaannya ianya tidak lari daripada

kehendak-kehendak asal bagi menjadikan dan menjaga imej Labuan sebagai sebuah IOFC yang sihat dan bcrsih dapat dikekalkan. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kepong.

4.29 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 telah mula dikuatkuasakan pada 1hb Oktober, 1990. Dan di dalam tempoh 12 bulan ini (satu tahun), kita terpaksa membahaskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir. Walaupun pindaan seperti ini di dalam tempoh 12 bulan bukan tidak ada precedent, memang ada. Walau bagaimanapun, untuk Akta bagi kewangan, bagi syarikat dan sebagainya, inilah kali yang pertama di mana pindaan dibuat dengan begitu cepat sebelum Akta itu dapat dikuatkuasa dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, selepas hujah daripada Setiausaha Parlimen tadi, kita diberitahu pindaan ini ialah untuk melicinkan pelaksanaan dan pentadbiran Akta dan juga untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan dengan mengadakan peruntukan yang lebih longgar dan menarik supaya ianya dapat dibangunkan sebagai satu IOFC.

Walaupun bagaimanapun, saya mempunyai beberapa point dan fakta yang menunjukkan tanpa mengadakan pindaan inipun aktiviti telah bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama ialah Pasal 2 yang meminda seksyen 6 untuk membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat insurans Malaysia memegang syer-syer di dalam syarikat luar pesisir dengan tidak perlu menyatakan struktur pegangan syer.

Kami kurang memahami mengapa pindaan sebegini mesti dibuat. Peruntukan-peruntukan yang tersedia ada tidak menghalang bank-bank tempatan daripada menubuhkan bank-bank luar pesisir di Labuan. Buat masa sekarang terdapat 3 bank luar pesisir di Labuan, iaitu Public Bank (L) Ltd., BBMB International (L) Ltd. dan Maybank International (L) Ltd., bank keempat iaitu D & C Bank dalam proses menubuhkan sebuah bank luar pesisir di Labuan. Pemilik saham majoritinya Rashid Hussain yang saya telah diberitahu bahawa syarikat itu ada kaitan dengan UMNO dilaporkan telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan untuk mendapat lesen membuka bank luar pesisir. Di sini sudah ada unsur-unsur di mana Rashid Hussain ada kaitan dengan UMNO yang telah menjadi satu tanda di mana pihak kami dan kebanyakan orang ramai telah merasa khuatir mengenai matlamat yang sebenarnya mengadakan IOFC ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga syarikat insurans juga terdapat di Labuan iaitu Malaysian National Insurance Sdn. Bhd. (MNI) yang dilaporkan telah ditubuhkan di Labuan sebagai syarikat insurans luar pesisir pertama dengan modal sebanyak £ 2.5 juta atau \$11.75 juta menjelang awal bulan September tahun ini. Sesungguhnya kita harus mengesyorkan perkembangan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir (IOFC) dipercepatkan sesegera mungkin. Kami mesti juga senantiasa mengutamakan kestabilan serta integrity bank-bank dan syarikat-syarikat insurans yang dibenar ditubuhkan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kami scdar bahawa Kerajaan menerusi Yang Berhormat Menteri Kewangan, malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengatakan bahawa Labuan akan, dengan izin, stay clean dan tidak akan dibenarkan menjadi pusat money laundering. Itu

yang pentingnya, stay clean—yang bersih dan bukan menjadi pusat membersihkan wang yang kotor. Wang yang diperolehi, wang yang diraih daripada sumber-sumber yang tidak dianggap sesuai, wang kotor. Jadi, adakah dengan pindaan seperti ini kita boleh memastikan kebersihan pusat IOFC di Labuan dan juga bukan menjadi pusat untuk membersihkan wang kotor.

Yang Berhormat Menteri Kewangan lelah berucap pada 24hb Mei 1991 semasa satu seminar di Hong Kong mengenai Labuan Malaysia International Offshore Finance Centre, dengan izin, mengatakan Kerajaan akan mengamalkan dasar selective dan berwas-was (cautious) supaya menjauhi kejadian skandal money laundering dan pengedaran dadah sepertimana berlaku di beberapa pusat yang tersedia ada. Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya akan ulang sekali lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan berjanji untuk mengamalkan dasar selective dan berwas-was supaya menjauhi kejadian money laundering scandal dan pengedaran dadah. Ini bunyinya sedap. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mengamalkan hujahnya, janjinya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mengatakan berasaskan ketekadan Kerajaan untuk mengekalkan Labuan sebagai pusat kewangan yang bersih, bukan pusat kewangan yang membersihkan wang kotor, pertumbuhan Labuan akan mengambil masa yang lebih lama untuk berkembang. Biasanya bagi IOFC mengambil tempoh masa sekurang-kurang 10 tahun untuk menjadi terkenal, put on the map, dengan izin. Dan to put on the map, memang 10 tahun diperlukan. Tetapi nampaknya dengan pindaan yang ada sekarang dia hendak mempercepatkan lagi, mungkin di dalam 5 tahun dapat menjadi pusat yang terkenal. Dengan terkenal ini, kita pun tak tahu, notorius pun terkenal

juga. Sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan maksudkan 'terkenal' ini notorious ataupun terkenal dengan pusat kewangan yang bersih, saya tak tahu. Tetapi walau bagaimanapun, tugas kami di sini ialah untuk memastikan semua berjalan dengan bersih, cekap dan amanah. Tambahan, Persatuan Insurans Umum Malaysia (PIAM) semasa mengumumkan satu persidangan yang dijadualkan berlangsung pada 9hb hingga 10hb September tahun ini mengatakan kelebihan syarikat-syarikat insurans melabur di Labuan, di antaranya ialah liberal regulatory regime dan perundangan yang menggalakkan perkembangan industri berkenaan.

Setahu kami daripada laporan-laporan akhbar tidak pula disebut langsung mengenai rungutan terhadap keperluan mengadakan pindaan yang bersangkutan-paut dengan industri insurans dan bank ialah kedua-dua industri ini perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan sebelum didaftarkan dalam Labuan. Sebaliknya peserta persidangan memberitahu perniagaan yang laris di Labuan semenjak BBMB International Trust Labuan Bhd. yang ditubuhkan hanya beberapa bulan sahaja, Syarikat Malaysian National Re-Insurance Bhd. (MNRB) pula mengatakan hasrat untuk menubuhkan satu cawangan luar pesisir dalam masa dua tahun kerana ia perlu mengukuhkan kepakaran atau expertise terlebih dahulu.

Oleh itu kami tidak memahami mengapa pindaan memudahkan penubuhan bank-bank dan industri insurans diperlukan kerana perundangan tersedia ada nampaknya tidak menjadi halangan sangat kepada mereka yang ingin melabur dan sekurang-kurangnya perundangan sekarang nampak akan lebih berkesan mengawal penubuhan sewenang-wenang bank-bank dan syarikat-syarikat insurans luar pesisir. Adakah

ini bermakna bahawa dengan pindaan ini bank-bank serta syarikat-syarikat insurans tidak lagi perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan untuk mendaftarkan diri sebagai bank atau syarikat insurans luar pesisir asalkan mereka sudah berdaftar di bawah keempat-empat Akta yang disebutkan dalam Pasal 2.

Bagaimanakah Kerajaan akan mengesyorkan bahawa yang lari daripada membayar cukai pendapatan tidak menggunakan pehiang ini untuk melabur ke dalam bank luar pesisir. Perkara ini bukan tidak mungkin terjadi, malah dilaporkan pada akhir bulan September ini bahawa sesetengah peniaga tempatan menyimpan yuran yang mereka terima daripada kerja luar pesisir dalam akaun-akaun luar pesisir di Hong Kong atau lain-lain pusat luar pesisir.

Jabatan Hasil Dalam Negeri serta Badan Pencegah Rasuah telah membongkarkan satu syarikat penerbit filem kerana didapati salah, cuba lari daripada membayar cukai pendapatan. Denda yang dikenakan ialah \$90,000 dan bil untuk bad debts, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$1.6 juta dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada fakta yang telah saya bangkitkan tadi, di dalam beberapa bulan selepas Akta asal dikuatkuasakan, banyak syarikat, bahkan kelebihan syarikat-syarikat insurans melabur di Labuan kerana liberal regulatory regime. Kalau perkara ini telah berlaku, apakah maksud pindaan ini? Mungkin ada udang di sebalik batu.

Seorang Ahli: Udang di sebalik mee!

Br Tan Seng Giaw: Udang di sebalik meekah? Dan dengan adanya IOFC, mungkin 'batu' sudah menjadi mee!

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kami juga ingin tahu faktor-faktor di belakang pindaan membenarkan bank-bank luar pesisir meminjam atau memberi pinjaman wang kepada pemastautin Malaysia. Apakah kesan pindaan ini ke atas industri bank tempatan?

Tuan Yang di-Pertua, bukannya pindaan secara langsung mempersengitkan lagi persaingan di antara bank-bank tempatan dengan bank-bank luar pesisir atau adakah ia hasrat Kerajaan untuk membenarkan bank luar pesisir meminta dana kepada bank-bank tempatan cawangan sendiri atau adakah ia berhasrat memudahkan mereka yang beroleh pendapatan dari luar negara membawa balik wang tersebut ke dalam negara. Bukankah cara begini sudahpun boleh tercapai menerusi syarikat-syarikat amanah?

Semua ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana nampaknya pihak Kementerian tidak menjelaskan hal seperti ini yang peri mustahak untuk mewujudkan sistem control yang berkesan. Yang lebih mustahak lagi, apakah bentuk kawalan yang Kerajaan akan adakan untuk mengesyorkan kedudukan kecairan dalam negara tidak terganggu oleh kebebasan bank-bank luar pesisir untuk memberi pinjaman kepada pemastautin Malaysia. Adakah Kerajaan akan mengenakan had pada jumlah pinjaman mahupun jenis pinjaman atau tujuan pinjaman yang dibenarkan.

Soalan seperti ini perlulah dijawab dengan tepat. Pada pendapat saya, sebaiknya Menteri sendiri patut menjawab soalan-soalan yang begitu pokok. Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan meminta ditangguhkan Dewan ini untuk meminta nasihat daripada Yang Berhormat Menteri.

Syarikat dan pusat IOFC ini sangat rumit, susah hendak memahami selok-belok, bahkan juga sistem kawalan yang diperiukan untuk menjamin pusat itu hersih dengan sistem kawalan yang lebih berkesan. Jadi, mungkin lebih banyak daripada satu orang diperlukan untuk menjawab soalan-soalan yang pokok ini.

Seorang Ahli: Soal sahajalah, soal sahaja!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya yang berucap!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan ucapan ya.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya ada desas-desus lagi.

Tuan Yang di-Perlua, tiga bank luar pesisir yang tersedia ada menjclang bulan Mac tahun ini sudah pun memperolehi simpanan sebanyak \$216 juta dan memberi pinjaman scbanyak \$29.7 juta. Tiga bulan kemudian, iaitu bulan Jun 1991, simpanan dalam bank-bank ini telah bertambah kepada \$567 juta dan pinjaman yang dikeluarkan hampir empat kali ganda kcpada \$108 juta. Jelas sekali bank-bank luar pesisir tidak perlu memberi pinjaman kepada pemastautin Malaysia atau adakah sebahagian daripada pinjaman yang sudah diberi terdiri daripada pinjaman kepada pemastautin? Dan di sini saya hendak menasihatkan Yang Berhormat dari Labuan supaya mengambil perhatian mengenai hal seperti ini. Yang disebutkan olch bcliau ada setengah-setengahnya itu yang begitu remeh-temeh yang tidak mengetahui hal yang lebih penting dan yang lebih memudaratkan masyarakat kalau tidak dijalankan dengan betul.

Apakah mungkin pindaan ini didorong oleh hasrat Kerajaan untuk memperluaskan lagi perundangan membenarkan bank luar pesisir memberi pinjaman kepada pemastautin di Malaysia bagi menyediakan kemudahan kewangan kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di negara mengeksport barang-barang keluaran mereka menerusi Labuan. Ini berupa cadangan daripada Timbalan Presiden C. Eito cawangan Hong Kong semasa C. Eito & Co. Ltd. membuat rombongan kajian pada bulan Julai lalu untuk meninjau membuka syarikat di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kami berpendapat tindakan Kerajaan meminda Akta yang bersangkutan-paut dengan aktiviti luar pesisir adalah, dengan izin, precipitated, dengan gopoh-gapah. Daripada laporan-laporan akhbar sekian lama ini mengenai Labuan, ramai pelabur memuji perundangan yang relaxed, dengan izin, serta struktur cukai yang agak menarik di Labuan, akan tetapi yang dirungui oleh mereka ialah ketidakceapan infrastruktur, prasarana, kemudahan pengangkutan dan komunikasi. Itulah rungutan-rungutan dan sungutan.

Setakat ini, di dalam Dewan yang mulia ini ada diumumkan bahawa lebih \$400 juta diperuntukkan untuk infrastruktur, untuk kemudahan pengangkutan dan untuk komunikasi termasuk memindahkan dan memperbesarkan Lapangan Terbang Labuan.

Saya nampak Yang Berhormat Labuan tidak begitu menunjukkan prihatin terhadap mengadakan kemudahan yang lebih baik di Labuan, cuma dia hendak tahu hal Kepong sahaja. Kalau dia tidak berwaspada mungkin Kepong akan mengepungkan Labuan....

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Labuan bangun, Kepong. Ya, Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, daripada tadi saya banyak mendengar fasal Labuan, komen mengenai Labuan. Saya hendak tanya berapa kali Yang Berhormat pernah tengok Labuan, yang dia komen begitu pandai sekali, kalah pula orang yang duduk di Labuan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sekarang adakah dia sedar Labuan itu sudah menjadi satu Wilayah Persekutuan. Adakah dia tahu kita sekarang di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Labuan menjadi sebahagian Wilayah Persekutuan, adakah dia tahu? Kalau orang Kepong pergi ke Labuan, itu Lidak salah.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Labuan bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Wilayah Persekutuannya, tanya Yang Berhormat Menteri Kehakiman mengenai Wilayah Persekutuan Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, Labuan bangun lagi, ya. Beri jalan?

Tuan Abdoi Mulok bin Awang Damit: Penjelasan. Saya ingat Yang Berhormat dari Kepong yang tidak faham, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan

Labuan adalah berbeza, yang Kepong itu dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur bukan Labuan dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, inilah sifat Yang Berhormat dari Labuan. Macamana kita boleh dapat IOPC, bersih, cekap dan amanah kalau bersikap sedemikian, yang tidak dapat membeza-bezakan yang dalam Wilayah Persekutuan dengan tidak Wilayah Persekutuan?

Seorang Ahli: Cakap tidak betul.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri nasihat sedikit kepada beliau mengenai keperluan untuk mengadakan auditan, kerana tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan usaha untuk mengabaikan juruaudit.

Ada setengah-setengah syarikat, kalau mengikut Rang Undang-undang ini tidak mahu juruaudit. Ini satu gejala yang menunjukkan kelemahan. Kelemahan dari segi sistem kontrol, kerana syarikat luar pesisir boleh memilih tidak melantik juruaudit-juruaudit di bawah keadaan-keadaan tertentu.

Kalau tidak ada audit dalaman ataupun juruaudit-juruaudit yang berkualiti, bermoral, bermaruah, beretika bagaimana kita dapat mewujudkan satu sistem kontrol yang berkesan? Mungkin kita boleh tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sebagai seorang pakar ekonomi di dalam pengurusan. Dia memang tahu hal ini. Saya haraplah kalau pengendalian beliau dengan murid-murid Tahun VI masuk ke Tingkatan Satu itu kurang baik sedikit atau ada kelemahan di dalam pengendaliannya, tetapi saya percaya dia sangat mahir di dalam hal sistem kontrol....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: On a point of order 36 (1)....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, tidak payah babitkan....

Dr Tan Seng Giaw: Hendak point of order pula?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak payahlah babitkan Timbalan Menteri Pendidikan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini saya tunjuk kepada Yang Berhormat dari Labuan supaya mengambil perhatian mengenai sistem kontrol dan auditan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang ini adakah ia bermakna syarikat-syarikat luar pesisir termasuk syarikat amanah tidak perlu melantik juruaudit? Bagaimanakah Kerajaan boleh mengesyorkan syarikat berkenaan tidak membuat pelawaan atau mengedar borang-borang permohonan kepada orang ramai untuk membeli saham debenture, menyimpan atau meminjam wang daripada syarikat?

Menurut Yang Berhormat, asalkan ahli-ahli syarikat mengambil ketetapan, tidak perlu membuat perlantikan Juru Audit, maka mereka dikecualikan daripada melantik orang berkenaan. Dengan perundangan sebegini bukankah ia lebih mudah untuk membatalkan sama sekali keperluan untuk melantik juruaudit. Ini kerana pengecualian di bawah keadaan ketiga ini membebaskan syarikat luar pesisir

dahpada perlu melantik juruaudit tanpa memberi apa-apa alasan dan mengikut sesuka hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal auditan dalam hal kontrol dalaman yang berkesan dan Jawatankuasa Audit, oleh kerana sistemkontroliniadalahperlu memandangkan di dalam negara ini penjenayahan kolar putih adalah semakin hari semakin menjadi serius. Contohnya, pada bulan Mac, 1987 Gabenor Bank Negara telah mengumumkan bahawa kes-kes kolar putih, kes-kes penipuan telah bertambah dengan begitu pesat.

Tahun	Kes	Amaan
1984	36	SI.7 juta
1985	52	\$6.4 "
1986	202	\$146.1 "
1987	4,748	\$173.0 "

Tuan Yang di-Pertua, bagi tiap-tiap kes jcnayah kolar putih seperti ini, ada ribuan lagi kes yang tidak dapat dikesan, tidak dapat dikenalpasti, tidak dapat didedahkan. Jadi, ini bermakna berbilion-bilion ringgit telah hilang kerana penjenayahan kolar putih. Tetapi di sini kita bentangkan satu Rang Undang-undang untuk tidak adakan audit dalaman seperti ini, untuk tidak perlu melantik juruaudit. Apakah maksudnya, apakah matlamat di dalam sistem kontrol? Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga Menteri sedar bahawa sistem audit di Malaysia ini kebanyakannya tidak begitu baik? Tidak banyak syarikat yang adakan Jawatankuasa Audit. Dan ada kebanyakannya menggunakan audit sebagai checking untuk checking function sahaja, bukan untuk kontrol pengurusan. Sebenarnya audit patut digunakan untuk kontrol pengurusan. Itu yang lebih baik. Tetapi dengan ada Rang Undang-undang seperti ini, adakah pihak Kerajaan menggalakkan kontrol pengurusan melalui audit? Saya nampak, kalau diadakan pindaan seperti ini, sistem audit di Malaysia ini tidak akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah ditekankan di sini bahawa tiap-tiap syarikat di Malaysia, termasuk syarikat luar pesisir perlulah mengadakan audit dalaman yang berkesan, perlu memastikan audit dalaman, fungsi-fungsi audit dalaman yang objektif, perlu memastikan implikasi non-ttnancial penemuan-pcnemuan audit dipertimbangkan dan perlu pengurusan dan Jawatankuasa Audit memastikan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "the internal audit of the entire financial reporting process is appropriatc by and properly co-ordinated with the independeni public accounts". Itulah, dengan juruaudit yang berkaliber, yang bermutu tinggi, yang beretika, yang bermoral, yang bcrmaruah, bersama-sama dengan akauntan yang bcrmoral, yang bermaruah, kita dapat wujudkan sistem kontrol audit dalaman yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kementerian menerangkan implikasi pindaan ini ke atas perkembangan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir yang unggul? Apakah pula kesan pindaan ke atas pertanggungjawaban syarikat terhadap pemegang-pemegang syer? Apakah faktor-faktor atau sungutan-sungutan yang timbul dan daripada pihak manakah sungutan timbul sehingga Kerajaan memandangkan perlu mengadakan pindaan sebegini?

Perlantikan juruaudit ialah satu-satu caranya Kerajaan boleh mengawasi syarikat-syarikat luar pesisir untuk mengesyorkan Labuan tetap sebagai IOFC, satu pusat yang bersih, bukan pusat untuk membersihkan wang kotor. Akan tetapi, sekarang ini boleh dikecualikan. Apakah Kerajaan sebegitu mendesak sekali untuk mempercepatkan perkembangan Labuan dalam masa paling singkat sehingga hasil yang sedia ada dikorbankan dan kini dasar mengesyorkan Labuan tidak digunakan sebagai pusat laundering, nampaknya juga dikorbankan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mei tahun ini pun Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meng-utnumkan dengan begitu sahaja membatalkan pembayaran \$20,000 dan kuatkuasa pada hari itu juga. Dan pengumuman seperti itu kita kehilangan wang rakyat, dan beliau mengambil undang-undang di dalam tangan sendiri dan mengumumkan kuatkuasanya pembalalan pembayaran \$20,000 bagi Syarikat-syarikat Luar Pesisir. Itulah amalan tabiat yang tidak begitu sihat, tidak menunjukkan kebolehan dan kemampuan untuk mewujudkan pusat IOFC, pusat yang bersih, cekap dan amanah. Keghairahan Kerajaan untuk mempercepatkan perimbangan Labuan amat menggerunkan. Pihak Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memberi penjelasan sebaik-baik dan sepuas-sepuasnya kepada Dewan dan kepada rakyat mengenai pindaan-pindaan ini termasuk faktor-faktor yang mendorong pindaan dibuat dan kciidak-sabaran untuk menjadikan Labuan IOFC dengan secepat mungkin sehingga hasil dan integrily turut dikorbankan dengan sekelip mata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengakhiri ucapan saya dengan seruan bahawa teguran-teguran saya ini adalah bernas dan membina supaya kita bcnar-benar dapat mewujudkan Labuan sebagai IOFC yang benar-benar bersih, yang benar-benar boleh mengelakkan daripada menjadikan pusat yang membersihkan wang kotor. Dan dengan ini, kita perlu mengelakkan segala skandal pengedaran dadah dan juga segala bentuk money laundering untuk pusat tersebut dan sistem kontrol dalaman yang berkesan perlu diadakan untuk mencapai matlamat menjadikan Labuan sebagai IOFC yang bersih, bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

5.05 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang bertujuan untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir ataupun Pusat IOPC.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap ataupun mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya telah mengikuti hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli Parlimen dari Labuan yang saya kira wakil yang mewakili rakyat di Pulau Labuan, mengemukakan pandangan dan cadangannya begitu tersusun dan kemudian diperbahaskan pula oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Satu perkara yang saya merasa amat dukacita, walaupun Yang Berhormat dari Kepong mempunyai cadangan-cadangan tambahan ataupun menyatakan kekurangan dalam pandangan Yang Berhormat dari Labuan, sekurang-kurangnya tidak mcmprhinakan ataupun memperendahkan martabat seorang Ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat, sekurang-sekurangnya kita boleh menghormati pula segala pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Sebagai teras keilmuan dan sebagai seorang yang berilmu, setiap pandangan kita terima dengan baik apatah lagi untuk kebaikan negara tetapi merendah-rendah dan memperkecil-kecilkan kemampuan dan kebolehan dan pandangan seseorang yang lain adalah sesuatu perkara yang cukup hina pada saya di sisi martabat seseorang manusia. Apatah lagi sebagai seorang yang menggelarkan dirinya

mempunyai ilmu. Sewajarnya ilmu ini digunakan untuk kebaikan manusia sejagat.

Umat manusia boleh menjadi runtuh kalau ilmu yang mereka ada itu bukan untuk mempertahankan kebenaran ataupun memberi cadangan yang positif, yang konkrit tetapi tidak lebih semata-mata untuk merendahkan martabat orang lain dan sikap seumpama inilah yang pernah digambarkan oleh sesetengah ahli-ahli fiktr Islam bahawa manusia akan menjadi hancur kalau ilmu itu disalahgunakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menyanjung tinggi pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Parlimen dari Labuan yang saya percaya beliau mempunyai tanggungjawab dan kewajipan sebagai Wakil yang mewakili rakyat, yang diberi mandat oleh rakyat di Labuan dan beliau lelahpun menunaikan tanggungjawabnya dengan mengemukakan pandangan-pandangan yang saya kira wajar dan patut diberi perhatian oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian yang bertanggungjawab.

Pada asas dan pada prinsipnya, kita menyokong bahawa Malaysia perlu mempunyai satu pusat IOFC, pusat kewangan luar pesisir. Lebih-lebih lagi kita sudah menetapkan dan semua pihak bersetuju bahawa sesudah kita tamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan kita dalam ambang keghairahan menuju ke arah Wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita ini sebuah negara yang maju. Maka sudah sewajarnya negara Malaysia yang mengamalkan Dasar Perdagangan Ekonomi Bebas perlu mempunyai satu pusat kewangan luar pesisir sebagaimana sesetengah negara maju yang lain ataupun sesetengah pusat IOFC yang lain yang sudah wujud pada masa ini.

Malaysia memang bersaing hebat walaupun kita sama-sama dalam rakan kerabat anggota ASEAN tetapi dalam lingkungan negara Asia-Pasifik, kalau kita ingin berlumba sebagai sebuah negara yang kukuh dan maju dari segi ekonomi maka kita terpaksa bersaing dengan pusat kewangan seperti Hongkong, Taiwan yang sudah maju ataupun negara-negara sekitar wilayah ASEAN kita ini. Oleh kerana Hongkong sendiri sebuah pusat kewangan yang belum tentu, yang masih lagi dari segi perasaan sesetengah pihak akan dikuasai semula oleh negara lanah besar China. Maka sudah barang tentulah Malaysia sebagai sebuah negara yang ingin maju dan saya percaya Kerajaan telah memandang jauh dengan memikirkan bahawa perlu sudah sampai masanya kita mempunyai pusat IOFC yang telah ditetapkan akan dilaksanakan ataupun akan berlaku di Labuan ini.

Maka pada asas dan prinsipnya kita menyokong di atas persetujuan untuk mewujudkan pusat kewangan luar pesisir ini. Persoalan yang dibangkitkan dari segi pembentangan Akta ini ialah dari segi beberapa pindaan yang telah dibuat dan pandangan-pandangan yang telah diberi ialah persoalan kawalan.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada Akta ini memang ada banyak loopholes. Kalau kita lihat daripada fasal yang kedua sampai kesembilan, boleh kita membahaskan satu persatu dan mungkin boleh mengambil masa yang panjang sebab ini masalah pengurusan kewangan dan setiap ada pros dan consnya, tetap ada baik-buruknya. Tetapi persoalannya sekarang, Labuan belum lagi menjadi IOFC secara reality, baru hendak bermula. Oleh kerana baru hendak bermula, saya bersetuju sekurang-kurangnya kita mesti menampakkan banyak keistimewaan sebelum sesuatu usaha itu hendak dijadikan kenyataan.

Pada satu segi kita memang tidak senang hati bila banyak berlaku red-tapes dalam urusan pentadbiran Kerajaan. Segala-galanya kita mahu cepat. Pada masa yang sama kita mahu segala-galanya bersih dan adil dan kadang-kadang dilemma inilah yang menyebabkan sukar untuk kita menenlukan sebab kita manusia yang mengurus alam ini, sudah barang tentu mempunyai kelemahan. Betapa baik pun kita membuat undang-undang, tetap ianya ada kekurangan di sana-sini. Samalah dengan Akta ini. Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, daripada beberapa Pasal boleh kita persoalkan dari segi loopholnya tetapi pada asasnya, Tuan Yang di-Periua, kita memberi sokongan sekurang-kurangnya dari segi hendak menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir ini, ianya hendak membuat daya tarikan kepada pelabur-pelabur luar supaya datang menubuhkan bank dan syarikat insurans di Labuan. Labuan ini belum lagi dikenali walaupun satu destinasi yang baik, yang cantik dan sebagainya, tetapi belum lagi ada infrastruktur yang cukup lengkap yang mungkin dipersoalkan oleh banyak pihak.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Maka sudah barang tentu kita mesti memberi segala keistimewaan. Dalam bab ini pun saya bersetuju, kalau tidak macam mana orang hendak datang sebab orang mesti tahu apakah keistimewaannya. Kalaulah keistimewaan ini sama dengan keistimewaan tempat-tempat lain, mungkin mereka pergi ke tempat lain, tempat yang sudah sedia ada, tempat yang sudah sedia wujud pusat IOFC ini. Tetapi pada saya sebagai langkah permulaan, kita memberi kelonggaran dan kita menyokong kelonggaran ini dengan syarat ianya tidak menjejaskan dari segi kewibawaan, keadilan dan proses bersih, cekap dan amanah.

Katau perkara itu tidak berlaku tetapi dari segi keistimewaan yang kita bagi ini supaya ianya menjadi kenyataan dan sesudah ianya menjadi kenyataan, sudah mula ada syarikat-syarikat yang menubuh syarikat luar pesisir di Labuan, maka daripada masa ke semasa sudah barang tentu kita muta boleh memperketatkan undang-undang ini dari satu hari ke satu hari. Sebab kita dalam Dewan Rakyat ini, Dewan yang mulia ini berhak membuat undang-undang, meminda undang-undang dari masa ke semasa dan saya berpendapat mungkin Kerajaan sudah berpendapat, kajian demi kajian sudah dibuat. Mungkin sebelum undang-undang ini sampai kepada kita, brain-storming demi brain-storming telah dibuat, perbincangan demi perbincangan telah dibuat dengan melihat dari segi perbandingan dan persaingan dengan pusat-pusat IOFC yang lain maka sudah barang tentu difikirkan inilah sebagai iangkah yang mungkin kita dapat hidangkan kepada pelabur-pelabur luar sebagai langkah permulaan. Sesudah syarikat luar pesisir ini wujud di Labuan nanti, sesudah ianya berkembang maju, mereka sudah bertapak di sana, mungkin pada waktu itu saya percaya dan saya turut mencadangkan maka segala kelemahan-kelemahan ataupun perkara-perkara, syarat-syarat yang perlu kita perketatkan, mula boleh kita perketatkan.

Kita di Dewan Rakyat ini sekarang atau pada masa akan datang sudah barang tentu boleh mengubah, meminda undang-undang kalau difikirkan perlu dipinda, tetapi kadang-kadang ada manusia ini, dia heboh benda-benda yang belum lagi ada. Tidak cukup heboh dengan benda-benda yang ada di hadapan kita tetapi dia heboh perkara-perkara yang belum wujud lagi.

Memang kita boleh mengingatkan soal bersih, cekap dan amanah dan saya selalu bercakap bahawa tidak ada

kompromi dalam soal-soal rasuah dan sebagainya, tetapi kita jangan menggambarkan sesuatu itu tidak boleh dibuat sebab ia akan berlaku rasuah, ia akan berlaku penyelewengan. Kita tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, adakan preconceived idea, seolah-olah kita hendak bukan sesuatu itu, maka yang buruk sahaja akan berlaku. Inilah yang bertentangan dengan dasar tradisi ilmu yang harus kita pegang dalam kita mengurus, mentadbir negara, dalam kita memperjuangkan kepentingan rakyat kecuali kalau kita memang sudah tebal dengan sentimen politik semata-mata untuk discredit di antara satu sama lain, maka fungsi itmu itu tidak berguna lagi. Beerti setiap diri kita tidak ikhlas dengan pcranan kita sebagai anggota Dewan Rakyat. Sebab itu pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang ini kita perlu IOFC ini. Kita perlu bersaing. Kita mesti menarik pelabur-pelabur luar dan bukan dalam konteks kepentingan Labuan sahaja.

SayapercayatujuanKerajaanbuat ini kerana sudah pandang jauh sebelum Labuan itu jadi hak ataupun sudah dimasukkan dalam Wilayah Persekutuan—mungkin sebelum itu, sebab apa Labuan itu dijadikan sebahagian daripada Wilayah Persekutuan. Mungkin Kerajaan sudah fikir 3, 4, 5 atau 6 tahun dahulu mengenai keperluan satu pulau seumpama itu dan bukan dalam konteks untuk kepentingan Labuan semata-mata tetapi ialah dalam konteks kepentingan Malaysia seluruhnya.

Dari segi ekonomi dt mana sahaja dia berlaku dia mempunyai kesan, di mana-mana tempat dalam negara kita ini, kita hendak bawa syarikat luar pesisir melabur di Labuan yang dimaksudkan ini dan kita menyokong, kerana saya percaya ianya memberi banyak faedah. Kenapa kita biarkan pelabur-pelabur yang mempunyai

kewangan yang banyak melabur di negara-negara lain? Kita mahu negara kita maju. Kita mahu negara kita mendapat nikmat, rakyat kita dapat nikmat, rakyat kita mendapat pekerjaan dan kita mahu semua ini untuk kepentingan rakyat. Tetapi pada masa yang sama, seolah-olah ada yang bercakap itu tidak baik, ini tidak baik. Kalau kita takut sesuatu risiko sebelum kita buat, tidak usah buat apa-apa, tidak payah kita hidup dalam dunia ini kalau itu takut ini lakut.

Kita menemang rasuah, kita mentang penyelewengan, tetapi belum buat lagi, sudah rasuah. Bab ini yang saya tidak setuju. Setiap kali perbahasan, saya ikuti, Tuan Yang di-Pertua, sama ada dalam Dewan ini, dalam kantinkah atau tandaskah saya ikuti, saya dengar. Tetapi ada setengah-setengah yang bercakap, saya tidak hendak sebutkan nama, yang very, very sickening, dengan izin, sakit otak dibuatnya, sehingga kadang-kadang masa Dewan Rakyat ini habis begitu sahaja sejam dua jam dan ada pula expectation akan orang ganggu dan ada expectation pula orang tanya soalan supaya ada gangguan. Ini tidak lebih daripada hendak mencari score sedikit sebanyak daripada kegawatan di dalam Dewan bagi membolehkan rnalam ini keluar berita itu di televisyen dan esok dalam suratkhbar. Itulah political mileage, balik ke rumah—Nah! ini dia champion di Dewan Rakyat, pembela rakyat. Tahi minyak dia, Tuan Yang di-Pertua. Ada setengah-setengahnya pula kalau kita lihat di luar Dewan Rakyat cukup punya hebat, bersyarah berdentum-dentum, beribu-ribu orang, tetapi bila saya tengok performance mereka di Dewan Rakyat ini, tidak ada apa-apa pun, bercakap, semut pun tak mati. Ini pun satu penyakit juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya bangkitkan perkara ini bukan sekali bahkan sudah banyak kali, malah dalam suratkhbar sudah dua hari,

dahulupun saya sudah tegur—orang suratkhbar ini pun satu hal juga, dia suka sangat orang buat kecoh dan orang yang membuat kecoh itu yang tnasuk suratkhbar.

Dahulu saya semasa menjadi pemimpin pelajar suka buat kecoh juga, saya akui, selalu keluar suratkhbar. Sekarang ini ada pula orang tua yang suka buat kecoh supaya keluar suratkhbar. Itu sahaja political mileage mercka. Dan suratkhbar pun satu hal, orang yang bercakap bernas, bcrisi adalah keluar separa atau dua para. Minta maafilah, saya bukan menyalahkan kepada akhbar-akhbar tertentu, tetapi yang membuat kecoh ini, tidak ada apa benda pun tetapi ada besar dalam suratkhbar tiga, empat perenggan—Dewan Rakyat ditangguh sejam, dua jatn, gamat—bam, boom. Saya pun bolch buat begitu, saya bolch naik atas mcja, siapa boleh halangkan, saya boleh keriau, boleh buat heboh dan besok, "Nah! Ahli Parlimen Pasir Mas keluar suratkhbar. Wah! hero". Itu hero tahi kucing namanya. Yang kita hendak dengar ialah hujah, cadangan dan pandangan, kalau hendak kritik dan kritik itu baik, saya pun sokong—saya tidak bias.

Berasaskan kepada perkara yang baik memang kita sokong, datang daripada mana sekalipun. Tetapi sejak sidang kali ini saya dengar seperti juga dahulu dan kadang-kadang masa Dewan ini dibuang begitu sahaja. Keriau sana, keriau sini, sehinggakan saya sendiri pun ikut terkeriau juga—kadang-kadang, bukan selalu, terasuk hantu. Kerana apa? Kerana ada orang carik-barik otak, carik-barik mulut. Akhir sekali, kita lihat walaupun ramai pegawai-pegawai yang mengikuti Dewan ini yang membantu Kementerian masing-masing, balik tak ada apa-apa—kosong—tengok telatah dua, tiga atau empat orang sahaja daripada pukul dua setengah sampai enam setengah.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, berbalik kepada Akta Syarikat Luar Pesisir ini, kita mesti lihat kepada prinsipnya dahulu iaitu apakah kita bersetuju bahawasanya Malaysia mesti mempunyai Pusat Kewangan Luar Pesisir. Saya percaya tidak ada orang yang mengatakan, tidak bersetuju. Persoalannya ialah pelaksanaan. Perlaksanaannya ialah melalui undang-undang dan undang-undang ini dibentangkan. Baik, ada kelonggaran, ada pro and con dan ada macam-macam pandangan dan seperti saya katakan tadi, pada saya kalau ianya sudah lama wujud dan pindaannya hendak dibuat, maka boleh kita bincang. Kalau sudah ada feedback, ada pengalaman-pengalaman, itu boleh kita kemukakan hujah-hujah, tetapi ini adalah sebagai langkah permulaan, baru. Belum wujud lagi pun Pusat Syarikat Kewangan Luar Pesisir ini di Labuan, kita sudah heboh, kita patut fikir, kita tidak boleh buat, nanti jadi rasuah dan sebagainya. Belutn ada lagi sudah rasuah. Bab ini yang saya cukup gcam. Macatn mana kita hendak majukan negara kita ini? Macam mana rakyat boleh mendapat faedah? Hendakkan kila jadi maju, bagi saya memang kita hendak jaga prinsip-prinsip tadi, tetapi pada masa yang sama kita tidak hendakkan juga red tape.

Saya percaya pelabur akan lari kalau soal red tape ini terlalu banyak. Usahkan pelabur, kita sendiripun naik cuak, malah mana-mana agensi sekalipun, kalau kita hantar surat dua, tiga minggu baru hendak lulus, dua, tiga bulan baru hendak masuk jawatankuasa, lima, enam kali appointment tidak selesai, termasuk agensi-agensi yang patut membantu bumiputera berbulan-bulan hendak kena tunggu, pegawai kata ini tugas orang yang lebih atas dan orang atas kata pegawai tidak selesai. Red tape ini kadang-kadang berbulan-bulan masanya, orang itu menyalahkan orang ini dan orang ini menyalahkan orang

itu. Tetapi kita tidak terfikir orang yang melibatkan diri untuk melakukan sesuatu ini mengambil masa yang lama, daripada mana mereka datang—daripada negeri yang jauh, daripada luar bandar naik turun, tambangnya, tinggalkan keluarganya, dari segi red tape ini saya pun naik marah ni. "Marah" ini memang menjadi hantu dalam kepala saya ini.

Sama juga dengan pelabur-pelabur luar, apabila mereka datang di sini dan tengok syarat-syarat yang ada untuk mewujudkan Pusat IOFC di Labuan ini samasahajadengantempatlain, tentu mereka hendak kekal di tempat yang sedia ada sebab mereka tahu apa baik-buruknya, tidak perlu ada risiko. Mereka datang ini untuk hendak melabur. Mereka hendak tengok dahulu risikonya, macam mana dari segi red tapenya, selamatkah atau tidak, mudah berkira ataupun tidak, Kerajaan Malaysia ini garangkah tidak, kestabilan politik macam mana, Pembangkang kecoh atau tidak. Semua ini mereka hendak ambil kira sebab duit mereka. Cuba kalau duit kita, tentu kita rasa kita hendak selamat. Dia hendak berniaga dia hendak untung, bukan hendak buang ke laut. Kalau ada orang datang hendak buang duit ke laut, itu orang gila namanya. Tentulah dia hendak fikir segala-galanya, baik-buruknya untuk mencanai keuntungan. Maka kita perlu bersaing dengan Pusat IOFC yang lain.

Maka dengan sebab itu, saya percaya pada asasnya inilah tujuan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan buat masa ini. Kita harap pusat di Labuan akan menjadi terkenal dan sekarang Labuan ini ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa yang diketuai oleh bekas Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Merbok yang diberi kuasa bertaraf Menteri. Kita percaya dan kita berharap serta berdoa supaya pengalaman yang ada pada pengerusi yang bertanggungjawab kepada

pembangunan Wilayah Persekutuan ini supaya dapat digunakan sepenuhnya.

Bukan sahaja pengalaman 7-8 tahun sebagai Menteri Kewangan, perhubungan antarabangnya di waktu menjadi Menteri Kewangan dan pengalamannya di dalam bidang perniagaan supaya dapat dipergunakan sepenuhnya dan dapat mempercepatkan bahawa Labuan akan menjadi pusat kewangan IOFC, kalau boleh yang paling terkemuka di dalam dunia ini. Bila ia menjadi pusat seumpama itu, bukan sahaja kita untung dari segi perkembangan ekonomi, Labuan juga akan jadi pusat destinasi pelancongan. Dan ianya milik Malaysia dan milik semua rakyat dan semua orang akan mendapat faedah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat, dalam proses pembangunan nanti di pusat IOFC Labuan ini, kepentingan penduduk tempatan mestilah diambilkira dalam mana-mana bentuk yang dikira dan difikirkan perlu. Saya pernah mencadangkan di Dewan Rakyat ini dahulu, khususnya dalam suatu persoalan dahulu, saya pernah bertanya apakah Ahli Parlimen Labuan dilantik menduduki Jawatankuasa Pembangunan Labuan, sekurang-kurangnya beliau dapat menyalurkan pandangan-pandangannya yang mewakili rakyat. Begitu jugalah kepentingan-kepentingan lain-lain pihak di Labuan itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak bertanya dari segi beberapa perkara walaupun saya menyatakan tadi sesudah Labuan menjadi pusat IOFC dan sudah ada syarikat-syarikat luar pesisir wujud di Labuan.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Kee Teat): Yang Berhormat, nantisekejap, Kota Melaka bangun atas apa?

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Poini of order - 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bacakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p) untuk membawa satu usul untuk mencadangkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dan beliau juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Selandar, Dr Fong Chan Onn, dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Usul saya adalah berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Dewan yang mulia ini merujuk Yang Berhormat dari Selandaryangmerangkapjawatan Timbalan Menteri Pendidikan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana menggunakan tanda lucah dengan jari dan tangannya pada 29hb Oktober, 1991 di Dewan Rakyat, di hadapan Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan....."

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang berucap, dia tak boleh bawa usul di waktu saya berucap kerana ini lain subjeknya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar dulu, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Usul ini tak ada kena-mengena dengan Yang Berhormat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mengapa, soal ini tak ada kena-mengena, saya sedang berucap. Ini mengambil masa saya, buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar. Sila duduk. Dia bangun atas point of order. Jadi, sekarang ini dia tengah membaca teks usulnya, sebaik sahaja dia selesai berbuat demikian, saya akan buat satu keputusan dan selepas itu Yang Berhormat Pasir Mas boleh sambung.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sambung teks usul:

....di hadapan Ahli-ahli Parlimen, murid-murid sekolah dan para hadirin. Kesalahan ini berlaku apabila beliau berjalan masuk semula ke Dewan semasa kekecohan berlaku di antara Yang Berhormat dari Ampang Jaya dan Ahli Dewan Rakyat DAP di mana mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat dari Ampang Jaya. Tindakan beliau yang amat memalukan ini menjatuhkan maruah dan nama baik Dewan yang mulia ini serta martabat Kementerian Pendidikan dan negara. Sungguhpun beliau cuba lari dari tindakan terkeji itu, tanda lucah beliau disaksikan oleh para hadirin termasuk pemberita akhbar, murid-murid sekolah dan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk juga kaum wanita. Malah, dalam laporan suratkhbar, kesalahan Yang Berhormat dari Selandar merangkap Timbalan Menteri Pendidikan diterbitkan dalam semua suratkhbar sama ada dalam Bahasa Malaysia, bahasa Cina atau bahasa Inggeris. Contohnya, di *New Straits Times* pada 30hb Oktober, 1991 dilaporkan, dengan izin, "At this time, Dr Fong walked in and he seemingly pointed a finger at the opposition bench". Laporan *The Star* pada tarikh yang sama adalah lebih halus

sedikit, tetapi keputusannya adalah jelas seperti: "However, he (Mr Lim) refused to budge and at this juncture the Deputy Education Minister, Dr Fong Chan Onn entered the House and several DAP MPs turned on him. Dr Fong was seen gesturing".

Suratkhabar Cina seperti *The China Press*, (*Chung Kwok Pau*) pada tarikh yang sama menyatakan berita yang sama, apa yang keluar dalam *The New Straits Times* dengan menyatakan bahawa Yang Berhormat Dr Fong menunjukkan tanda lucah dengan jarinya. (*Tepuk*) Malah (*Chung Kwok Pau*) *The China Press* melaporkan bahawa di luar Dewan, Dr Fong mengakui perbuatan tanda lucahnya dengan menyatakan bahawa, "Saya tak boleh tahan lagi." Komen Dr Fong yang keluar di *The China Press* pada 30hb Oktober 1991 juga keluar pada *Sin Chew Jit Poh* pada 31hb Oktober, 1991. Memandangkan laporan ini adalah dari para pemerhati, adalah jelas bahawa Dr Fong telah melakukan tindakan kesalahan ini, melakukan tanda lucah yang memalukan Dewan yang mulia ini dengan tingkah-lakunya yang tidak senonoh dan biadab ini. Kalau beliau masih menafikan tindakannya itu, maka ini juga bermakna bahawa beliau juga telah membohongi Dewan yang mulia ini dan harus dikenakan tindakan lanjut ke atasnya.

Yang Berhormat dari Selandar, sebagai seorang Timbalan Menteri Pendidikan adalah diharap menjadi satu contoh yang baik kepada para pelajar dan murid-murid sekolah dan bukan menunjukkan tanda lucah yang menjadi satu teladan yang buruk kepada semua murid-murid dan budak-budak di negara kita. Beliau mestilah meminta maaf secara am dan kalau beliau enggan berbuat demikian, beliau mestilah

dikenakan tindakan agar teladan memalukan dan buruk ini tidak menjadikannya suatu penghinaan atau bahan ketawa serta demi menjaga nama baik Parlimen".

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Berikutan apa yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, adalah dinasihatkan Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan usul yang dikemukakan tadi secara bertulis kepada saya (*Kertas usul diberikan*), ya, dan sepertimana yang pernah diputuskan terdahulu, sebelum ini, usul ini akan juga dimasukkan ke dalam Kertas Aturcara ataupun Order Paper dan akan sampai gilirannya kemudian untuk dibahaskan secara berkesan. Itulah yang saya putuskan.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya merujuk kepada satu keputusan, satu petua yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tan Sri Zahir yang menyatakan bahawa sebarang kejadian yang berlaku meslilah dibawa dengan segera, dan kerana pada masa itu kejadian itu berlaku semasa Yang Berhormat dari Ampang Jaya menjadi Pengerusi, saya harap satu tindakan boleh diambil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar dahulu. Sepertimana yang diputuskan kelmarin oleh Kerusi, saya kekalkan apa keputusan yang telah dibuat, sepertimana Yang Berhormat juga sedia maklum. Yang Berhormat Pasir Mas, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hai, duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di Pertuan....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hai, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar dan bertenang. Yang Berhormat, itulah keputusan dan saya rasa.....

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat satu garispanduan bagaimanakah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p) boleh digunakan, kerana di sini ada dikatakan: "Bahawa kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:" Ini pengecualian yang telah dibcri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini sebenarnya cerita lama....

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini satu petua telah diberikan oleh Tan Sri Zahir sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar. Sebenarnya, kalaulah Yang Berhormat betul-betul hadir kelmarin, keputusan yang telah dibuat oleh Kerusi adalah nyata dan jelas dan kalaulah mengikut Peraturan Mesyuarat 15, itu adalah yang nyata sekali. Dan saya rasa tidaklah membina ataupun bermanfaat sekiranya Yang Berhormat masih hendak berhujah atas perkara yang sama.

Tuan Lim Guan Eng: No, bolehkah saya dapat tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua tahu mengenai petua yang dikeluarkan oleh Tan Sri Zahir pada 1hb Disember. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, jangan

menyoal-nyoal semacam ini kerana keputusan yang telah dibuat sama ada oleh Yang Berhormat Tan Sri ataupun rakan sejawat saya ataupun saya sendiri, saya rasa itu bukanlah perkara yang patut dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, olch kerana satu keputusan yang telah dibuat, ia mestilah diikuti. (Seorang Ahli: Dihormati). Seperti tadi, bila saya menggunakan perkataan bahawa MCA bohong, tidak..... (*Diganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dinasihatkan, sila duduk dan berilah peluang orang lain yang tengah bercakap itu menyambung ucapannya.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak adil, kerana bila saya sebut MCA bohong, saya tidak tujukan kepada sesiapa, tetapi saya tidak dibenarkan berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat. Pasir Mas sila sambung.

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tertiblah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan tertib. MCA....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin menyambung ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): MCA, tidak MCA, ini tidak termasuk, ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, point of order, 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: 44 (1), saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya kena nasihatkan Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ooi! Kemudianlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk! Mengikut apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu Peraturan Mesyuarat 44 (1), saya rasa ini sudah cukuplah, ya. Keputusan telahpun dibuat dan adalah....

Tuan Haji Ibrahim bin AH: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh berbuai demikian....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambungkan apa yang telah saya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

Beberapa Ahli: Duduklah!.

Tuan Haji Ibrahim bin AH: Ooi! Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan Mesyuarat 44 (1) adalah nyata. Yang Berhormat, sila membawa diri dengan tertib dan juga sila duduk, berhenti cakap dan janganlah berdegil-degil sebab saya rasa itu tidak membina dan tidak setimpal dengan kedudukan Yang Berhormat. Sila duduklah, Yang Berhormat. Keputusan telahpun dibuat. Itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng:tahu MCA.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak masuk, ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Perlu,....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masa ini saya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah Yang Berhormat berdegil-degil. Saya rasa masa berjalan dan Dewan tengah bersidang. Tindak-tanduk Yang Berhormat ini, saya rasa adalah dikesali sangat. Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan untuk....sama ada tingkah-laku....

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabarlah, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya bangkitkan Standing Order 42.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bacakan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng dan Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Standing Order 42 iaitu bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, kedua-dua Ahli kena duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, kedua-dua Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi ada keputusan. Sekarang apa yang saya hendak timbulkan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan adalah jelas dan dimuktamadkan dan saya rasa Yang Berhormat perlulah tahu had batasnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apa yang berlaku. Ini adalah satu perkara yang serius.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila bertenang.

Tuan Lim Guan Eng: Keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Zahir...

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kampar, bawa diri dengan tertib, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Keputusan yang conflicting.....Keputusan siapa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Beberapa Ahli: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sekalian....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa itu.... (*Diganggu*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas, bertenang!

Tuan Lim Guan Eng: Apakah keputusannya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya beri peluang yang terakhir Yang Berhormat dinasihatkan duduk.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan adalah muktamad, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sekalian, sebarang keputusan itu bukanlah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri tetapi ianya patutlah dibuat oleh Kerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Keputusan itu bukan muktamad. Hanya untuk Tuan Yang di-Pertua sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44 (1) dan 44 (2).

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka...,

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Point of order.

Tuan Lim Guan Eng:pada bulan Disember yang berkuatkuasa itu sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya menggunakan kuatkuasa ini supaya mesyuarat kita boleh berjalan dengan baiknya dalam Dewan ini. Muka-muka ini semua hendak cari fasal sahaja!

Tuan Wong Wing On: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bangkitkan sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak minta kalau Tuan Yang di-Pertua selepas itu payah sangat gunakan 44 (2) ini, suruh dia keluar.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah buang masa Dewan, ya. Yang Berhormat, saya sudah cakap keputusan itu bukan datangnya dari Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan itu telahpun dibuat bukan oleh saya sendiri sahaja. Malahan kelmarin juga, kalaulah Yang Berhormat hadir di sini tentulah tahu apa yang diputuskan oleh Kerusi. Itu sahaja.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan keputusan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kampar, sila duduk dan tertib, ya.

Beberapa Ahli DAP:yang dikeluarkan oleh Tuan Speaker.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas, bertenang. Dan Yang Berhormat dari Kampar, bertenang. Sila duduk! Sila duduk! (*Disampuk*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya minta Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan 44 (2)—Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak menggunakan kuasa ini, saya rasa Dewan ini akan jadi haru-biru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk dan Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila sambung.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua....

Seorang Ahli: Takut!

Beberapa Ahli: (*Mengganggu*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya hendak sambung kalau ada monyet bising macam ini! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang, bertenang. Yang Berhormat, sila duduk! Sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada kuasa....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, Yang Berhormat dari Pasir Mas. Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Dia buang masa begini.

Tuan Wong Wing On: (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Memandangkan keadaan..... (*Disampuk*) Yang Berhormat dari Kampar, janganlah bercakap dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang kebenaran. Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng:asas keputusan itu..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):saya terpaksa menggunakan kuasa yang diberikan kepada saya mengikut Peraturan

Mesyuarat 44 (2) untuk mengeluarkan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Keluarlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar, sabar. Saya terpaksa mengeluarkan Yang Berhormat dari Kampar sekiranya beliau tetap berdegil-degil, ataupun membawa diri dengan tertib. Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila teruskan,

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya sedang membahaskan Rang Undang-undang ini tidak sepatutnya point of order dibawa kecuali di bawah 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan balik kepada tajuk.

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kamu dengarlah! Pekakkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila rujuk kepada tajuk dan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan. Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Sitn Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya hendak keluar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bagus! (*Tepuk*)

(*Beberapa Ahli DAP bangun dan keluar dari Dewan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas, sekarang teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat yang saya rasa adalah berat sebelah dan tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terserah kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini amatlah tidak memberikan hak kepada Ahli-ahli Dewan dan demokrasi di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas, teruskan.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar! Sila duduk, satu demi satu dan bertenang. Yang Berhormat dari Pasir Mas, teruskan. Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nampaknya.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Parit Sulong bangun pula. Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Perlua, saya minta Tuan Yang di-Pertua bertindak dengan tegas oleh kerana pihak-pihak yang menimbulkan kekacauan dalam Dewan ini dia memilih apabila Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Majlis. Ini membuktikan bahawa mereka bcrmat jahal. Oleh kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini ulasan. Kalaulah hendak bangkitkan sesuatu point of order.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Oleh kerana masa Dewan diambil dekat-dekat 40 minit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk. Ini bukan point of order. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wong See Wah: Peraturan Mesyuarat 44 (2). Saya rasa sepanjang 2, 3 hari ini kita perhatikan ada satu plot yang menghina dan mencabar kuasa Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau perkara ini diteruskan, perkara ini tidak habis-habis dan ini bukan sahaja mencabar kuasa Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya menghinakan semua Ahli Parlimen di negara kita ini. Perkara ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua perlu tegas kepada Peraturan dan membuat keputusan. Saya fikir daripada dibiarkan dia keluar sendiri, lagi baik kalau Tuan Yang di-Pertua keluarkan dia!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar dan sebenarnya memanglah saya.....

Dato' Wong See Wah: Saya tidak sabar lagi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat, berilah peluang kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas untuk menyambung ucapan beliau. Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sila duduk. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44.....

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Seremban, bertenang, sila duduk.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Point of order 44.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya juga ingin menyatakan kesal saya. Sekarang ini nampak kalau Pembangkang hendak publisiti, dia cuma bangun membuat kecoh, esok masuk suratkhbar. Nampaknya oleh sebab Tuan Yang di-Pertua tidak tegas, tidak hambat dia keluar apabila dia berketakuan begitu, maka kita sekarang jadi satu komik. Jadi saya minta ditegaskan pada masa depan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Banyak point of order ini.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan sekiranya.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, satu demi satu. Ya, Ipoh.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari sebelah sana ada 2, 3 yang menyatakan perkataan-perkataan yang menghina kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan point of order. Cukuplah, Yang Berhormat. Janganlah bertindak macam itu. Kalau point of order itu adalah bersabit dengan ucapan Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya akan layan. Saya memang ucapkan terima kasih kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya rasa selama ini saya memang memberi peluang yang sama kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan. Ini saya rasa sebab Yang Berhormat semua mewakili rakyat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa point of order hanya boleh diambil berdasarkan tajuk ucapan yang dia bercakap. Tetapi Tuan Yang di-Pertua benarkan dia bawa point of order yang lain—26 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Ipoh itu telahpun saya ketepikan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dari Kota Melaka bawa Peraturan Mesyuarat 26 (1) yang tidak boleh dibincang semasa perbincangan. Dia kena buat usul bertulis. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh benarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Shahidan bin Kassim:dan saya cadangkan supaya dia digantung sepanjang Belanjawan ini kerana kita terpaksa bincang fasal Belanjawan. Kita hanya benarkan Yang

Berhormat dari Kepong dan Bayan Baru, yang lain digantung, Yang Berhormat dari Ipoh boleh tahan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa sebarang ulasan ataupun pandangan yang tidak berkaitan eloklah diketepikan buat sementara waktu dan baliklah kepada Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan point of order 37.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, terhadap siapa?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Berkenaan dengan mengganggu. Yang Berhormat Pasir Mas sedang bercakap tadi, jadi sekarang Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana tadi telah mengganggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Betul, saya hendak membawa Peraturan Mesyuarat 37—ini berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, dia quote 26 (1) (*p*) tetapi kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan ini. Memang ada iaitu clause 15—di mana Urusan Kerajaan diutamakan dan kita ada lagi satu, Peraturan Mesyuarat 44.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, memang itu telahpun dibangkitkan. Peraturan Mesyuarat 15.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya harap Tuan Yang di-Pertua lebih tegas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas, sila sambung.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita baru selesai melihat satu drama dalam Dewan Rakyat. Satu drama yang cukup memalukan, biadap, tidak sopan, yang memang tidak layak berada di dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*) Percubaan untuk membawa Usul di waktu saya berucap tadi untuk membawa Usul tidak lebih daripada hendak harrass Timbalan Menteri Pendidikan dan hendak menyusahkan Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang mereka bawa sebelum ini dan hendak mendapat cheap publicity.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk. Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Pasir Mas, sila balik kepada Rang Undang-undang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya hendak balik kepada ucapan saya tetapi sudah haru-biru sekarang, semua yang ada dalam kepala sudah bengang. Jadi, sebelum points mari balik, kenalah saya komen apa yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ilham sudah lari.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tungguhlah apa yang saya hendak bercakap. Apa yang saya bercakap ini pun saya tidak tahu! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila sambung.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab itu saya kena komen sedikit, cerita orang-orang yang berperangai tidak betul ini sedikit, baru dia datang balik apa yang saya hendak cakap. Kalau

terus hendak cakap saya tidak boleh. Hendak harrass Timbalan Menteri, cheap publicity. Timbalan Menteri Pendidikan don't worry. Saya tidak nampak pun. Orang suratkhabar kena ingat, jangan dok tulis tak tentu arah. Sewaktu saya bemcap tadi, tidak ada pun orang suratkhabar. Bila DAP masuk, penuh orang suratkhabar sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Besok saya harap tulis cerita orang Barisan Nasional yang hebat-hebat ini. Yang mengarut itu cuma menghabiskan kertas sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya juga ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli DAP yang tinggal dalam Dewan ini, setengahnya sudah keluar. Ini saya tahu yang tidak sokong Ketua Pembangkang. (*Ketawa*) Sebab setengah keluar, setengah tidak.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tasek Chenderoh bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dia bangun pula, macam mana saya hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tasek Chenderoh bangun, hendak apa?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Minta penjelasan, sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu fasal saya kena bercakap kuat-kuat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tasek Chenderoh hendak minla apa?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Oleh kerana Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebut tentang harassment kepada Timbalan Menteri oleh Pembangkang dan laporan akhbar tentang kelakuan Timbalan Menteri seolah-olah mengatakan bahawa Timbalan Menteri semalam 'pointing a finger' sebagai isyarat lucu. Tadi saya nampak di pihak Pembangkang ramai yang 'pointing a finger'. Saya harap akhbar hari ini boleh melaporkan bahawa mereka dari Pembangkang tadi yang 'pointing a finger' adalah menggunakan isyarat lucu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu sekadar harapan dan ulasan sahaja, bukan penjelasan. Sila teruskan Yang Berhormat Pasir Mas, masuk tajuk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Timbalan Menteri Pendidikan adalah seorang profesor berpendidikan tinggi dan kita tidak nampak apa yang dikatakan tunjuk tangan dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa hubungkaitnya dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mcmang adii hubungkait. Kalau tunggu, memang sampai.

Tuan Lau Pak Kee: Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Haji Ibrabim bin Ali: Saya belum habis lagi dia masuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar. Saya sudah soal tadi. Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat Pasir Mas, sila masuk kepada tajuk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Rang Undang-undang Luar Pesisir ini, kalaulah ada orang-orang macam DAP ini, apa pun tidak jadi. (*Ketawa*) Itu masuk point, sah masuk point, memang tidak jadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa point of order di bawah 26 (*p*). Saya kena bawa 26 (*p*) sebab Tuan Yang di-Pertua benarkan dia bawa di bawah 26 (*p*), saya pun hendak bawa di bawah 26 (*p*), semasa dia sedang berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bacakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya cuma akan bacakan Usul berdasarkan keadaan yang berlaku sebentar tadi, saya boleh baca yang itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah ada teks, barulah baca.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semasa perbincangan yang dibuat sebentar tadi, kita dapati sekumpulan Ahli-ahli daripada Pembangkang iaitu DAP telah menunjukkan tangan tanda lucah kepada Timbalan Menteri Pendidikan....

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Peraturan Mesyuarat 26 (*p*).

Tuan Shahidan bin Kassim: 26 (1) (*p*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 26 (1) (*p*) Yang Berhormat, sabar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hai Kepong! saya hendak cadang you jadi Setiausaha Agung, jangan ganggu (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita dapati bahawa sekumpulan Ahli-ahli DAP telah menunjukkan tanda yang berbentuk tangan dalam bentuk lucah kepada Timbalan Menteri Pendidikan dan semasa mereka berbuat demikian ianya telah disaksikan oleh Ahli-ahli Barisan Nasional dan juga pihak akhbar-akhbar.

Dengan itu kita dapati perbuatan mereka adalah satu perbuatan yang di luar dugaan dan di luar budi bicara sebagai seorang Ahli Parlimen yang bermaruah tinggi. Makanya saya mencadangkan dan juga meminta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua di manakah boleh saya bawa Usul 26 (1) (*p*) ini untuk membolehkan mereka ini saya rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kerana perbuatan tersebut bukan sahaja memalukan Ahli-ahli Barisan Nasional dan juga pihak-pihak akhbar dan juga murid-murid sekolah yang sebentar tadi telah meninggalkan Dewan ini kerana kita ingin menjaga maruah Dewan Rakyat ini supaya dalam usaha kita untuk membincangkan perkara-perkara yang telah ditimbulkan mengenai Rang Undang-undang dan juga Belanjawan dapat dijalankan dengan licin dan juga sempurna.

Maka dengan ini saya mencadangkan supaya semua mereka ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dan saya mohon mengemukakan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah, Yang Berhormat boleh kemukakan seperti mana yang telah diputuskan tadi terhadap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pasir Mas teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya berasa bangga dengan Usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen dari Arau tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kemas, padat, saya harap keluar dalam suratkhbar besar-besar besok (*Ketawa*), iaitu orang DAP tunjuk tanda lucah dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tujukan ucapan mengenai Labuan ya.

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah, berilah peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas untuk berbahas.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa, sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan cukup, bukan perkara ini, sebab saya hendak minta satu penjelasan dari Tuan Yang

di-Pertua. Sama ada Tuan Yang di-Pertua nampak adakah kita menggunakan tangan kita menunjukkan isyarat yang lucah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangkitkan ini terhadap siapa?

Tuan Lau Dak Kee: Ini sangkaan jahat kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Terhadap siapa?

Tuan Lau Dak Kee: Sangkaan jahat kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas ataupun Arau ataupun siapa?

Tuan Lau Dak Kee: Arau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa itu tidak timbul, sebab dia itu tadi hanya membaca teks Usul dia. Hupun saya rasa itu dibenarkan. Dan sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya nampak yang menunjukkan tangan tadi ialah Ahli dari Ipoh dan juga Ahli dari Kampar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau, cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6) lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Scmalam dia tunjuk tangan macam itu, hari ini pun dia tunjuk tangan macam itu juga, kepada Tuan Speaker pun dia tunjuk tangan macam itu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Dan saya rasa Usul adalah

dibenarkan. Dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila teruskan. Cukuplah.

Tuan Lak Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Saya rasa Usul itu bukan sangkaan jahat atau tidak, itu tidak termasuk, sebab dia buat Usul sahaja. Dan sepertimana yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tadi, saya juga benarkan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, mengapa dikatakan daripada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, sila duduklah! Saya sudah cakap tadi. Pasir Mas.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau berdegil-degil, saya kena berhentikan Yang Berhormat daripada bercakap di bawah 44 (1), itu sahaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cakap.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan 36 (6).

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu diketepikan..... (*Disampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6), boleh saya pakai?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya hendak bangkitkan 44 (1).

Tuan Lau Dak Kee: Boleh saya gunakan 36 (6)?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Boleh, tetapi saya telah buat keputusan bahawa ini telahpun diputuskan.

Tuan Lau Dak Kee: Nanti, nanti!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, yang bangkitkan tadi Ahli dari Arau, yang sedang berucap Ahli dari Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itulah sebabnya saya kata tidak termasuk.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, 36 (6). Boleh saya ceria sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Telah dibangkitkan dan saya lelah buat keputusan dan itu adalah muktamad, dan saya tidak akan layan lagi apa yang dijerit-jeritkan.... (*Disampuk*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: 44 (1).

Tuan Yim Chee Chong (Seremban); (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semua, sila duduk dan bertenang. Pasir Mas teruskan, balik kepada tajuk Labuan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap bertenanglah. Beri saya hendak habiskan ucapan ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak habis lagi, tengok.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tidak bolch, Tuan Yang di-Pertua, kerana yang sedang berucap Ahli dari Pasir Mas bukan Arau.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker yang putuskan tadi adalah bahagian yang hadapan, bukan bahagian yang belakang ini..., (*Disampuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sebentar lagi selepas Ahli dari Pasir Mas bercakap, saya akan bangun, selepas ini dia boleh buat sangkaan jahat kepada saya. No problem.... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk, itu tidak termasuk. Sekarang ini Ahli Yang Berhormal dari Pasir Mas, sila berucap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya harap tenanglah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah cukuplah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tetapi masalahnya orang-orang DAP ini, saya percaya waktu mereka datang ke Dewan ini, otak mereka tinggal di rumah (*Ketawa*). Mereka datang ke Dewan ini tidak bawa otak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak ada kena mengena dengan Labuan. Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini saya hendak bercakap hal Luar Pesisir Labuan ini. Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua sudah campur, macam mana hendak ada kaitan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duduk! You please sit down! Tidak faham bahasa orang putihkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak habiskan ucapan.

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Dewan Rakyat yang bersidang ini, beberapa hari, inilah sumbangan DAP dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, 36 (1) lagi. Mengapa ini.... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah melatah cepat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak bercakaplah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Berilah peluang kepada Ahli Yang Berhormal dari Pasir Mas, dia hendak teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Telah beberapa kali begitu, Tuan Speaker masih benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan berhujah lagi Yang Berhormat. Kalaulah begini keadaannya, saya kena berhentikan kedua-dua Ahli Yang Berhormat daripada bercakap. Ini kata dua ini, saya tidak akan ulangi lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, saya bukan main-main, memang kalau tidak kerana Ahli dari Kota Melaka kacau saya tadi, saya sudah habis berucap. Point saya yang bagus-bagus, yang standard Harvard University (*Ketawa*), telah habis, lelah hilang sekarang. Jadi, sekarang ini saya hendak tunggu masa, kalau saya boleh berehat tidak mengapa. Ini saya dudukpun, memang kacau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalaulah ilham telah hilang, saya rasa mungkin Yang Berhormat boleh duduk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak boleh, (*Ketawa*) mana boleh, saya mesti bercakap, tidak boleh. Saya belum habis, saya telah catit, saya cuba hendak recall balik.

Tetapi inilah saya harap rakyat seluruh negara tahulah, betapa kita orang-orang yang serius dalam soal-soal bagi membela kepentingan rakyat dan kemajuan negara seringkali waktu kita berucap diganggu oleh DAP. Dan political mileage inilah yang mereka harapkan. Dan besok lusa, saya tidak tahu lagi, sepanjang Dewan Rakyat ini bersidang, isu yang samalah akan dibangkitkan. Tetapi walau macam manapun, yang saya naik seronok sedikit, Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam akhbar, saya dan Ahli Parlimen dari Arau ini diboikot oleh DAP.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, 36 (1) lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalaulah demikian rupanya, saya kena berhentikan Yang Berhormat dari bercakap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak boleh, saya hendak bercakap ini. Saya hendak masuk point ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masuk, jangan kata masuk tetapi tidak masuk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) ini sudah bercakap panjang lebar tadi, tetapi saya hendak masuk kepada dua tiga pertanyaan.

Pertama, adakah Kerajaan menentukan dasar ataupun sudahkah ada dibuat keputusan di mana hanya sejumlah yang ditetapkan kuota syarikat luar pesisir ini boleh diwujudkan di Labuan ini ataupun ianya terbuka tanpa mengira had.

Saya ingin menarik perhatian kerana jika melihat kepada keistimewaan yang diberi dan saya percaya ianya akan mendapat sokongan dan sambutan daripada pelabur-pelabur, maka sudah tentulah bilangan permohonan akan banyak. Dalam menentukan kelulusan seumpama ini, saya ingin menyeru pihak Kementerian yang bertanggungjawab supaya berhati-hati dan meluluskan permohonan kepada kumpulan atau syarikat atau pelabur yang benar-benar diyakini boleh memberi sumbangan dan boleh menjayakan hasrat yang kita harapkan apabila wujudnya IOPC ini di Labuan nanti.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, syarikat luar pesisir ini tidak dikenakan cukai, kecuali fee yang perlu dibayar dan ditentukan oleh Pendaftar Syarikat. Saya ingin bertanya bahawa adakah ditetapkan peraturan ataupun

macam manakah bentuk fee ini yang akan dikenakan, Kalau \$20,000, ini adalah satu jumlah yang saya kira kecil kerana dalam kita memberi bcrbagai keistimewaan, kita berharap pulangan kepada kepentingan negara biarlah seminimum yang mungkin. Tetapi mungkin sebagai permulaan hendak menarik minat itu, kita beri umpan dahulu. Tetapi pada masa akan datang, kita berharap fee mestilah berpatutan dengan keuntungan yang mungkin mereka akan perolehi melalui syarikat luar pesisir ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya. Sebab itu saya katakan tadi, kalau tak diganggu, sudah lama habis, tetapi oleh kerana kekecohan yang telah dibuat oleh mercka yang tidak bertanggungjawab, terutamanya DAP, maka kita menghabiskan masa tak fasal-fasal hampir sejam lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

6.72ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah keadaan kembali tenang. Saya lurut membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dengan memberi beberapa komen dan jikalau kita memberi pandangan itu sudah tentulah di atas dasar kita sayangkan kepada negara ini, terutama sekali untuk generasi yang akan datang.

Perkara yang penting yang saya hendak sentuh di sini ialah Akta ini untuk memberi satu keistimewaan kepada syartkat-syarikat, bank-bank, syarikat-syarikat insurans yang akan melabur, yang akan membuat perniagaan di Pulau Labuan. Kalau kita baca Pasal 2 dalam Huraiannya, iaitu diberi suatu keistimewaan atau

kekebalan kepada syarikat itu iaitu Pasal 2 bertujuan meminda seksyen 6 untuk mcmbenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat insurans Malaysia memegang syer-syer di dalam syarikat-syarikat luar pesisir dengan tidak perlu menyatakan struktur pegangan syer. Pasal ini memberi satu kekebalan kepada sebuah syarikat insurans ataupun bank yang membuka perniagaan mereka di kawasan luar pesisir ini.

Kita menaruh kebimbangan sebab diramalkan 10 tahun yang akan datang Asia Tenggara ini sebagai tempat yang dipanggil "boom" di sudut ekonomi kerana perkembangan ekonomi yang menarik di Asia Tenggara, terutama pula keamanan yang berlaku di Kampuchea dan Vietnam menyebabkan para pelabur daripada seluruh dunia akan menjadikan Asia Tenggara sebagai "economic boom" dalam masa 10 tahun yang akan datang. Oleh itu, Asia Tenggara juga terkenal dengan apa yang dipanggil kawasan golden triangle, iaitu kawasan pengedar dadah, pengedar morfin, pengedar candu yang palmg agung di tempat-tempat di dunia ini. Kawasan golden triangle ini dianggap kawasan yang paling hebat sekati peniaga-peniaga candu, peniaga-peniaga dadah menguasai di kawasan ini.

Oleh itu, dengan adanya tempat seperti ini untuk mereka melabur di bank-bank dengan kekebalan dibcri perlindungan istimewa kepada mereka, dengan tidak dinyatakan struktur pemegang syer ini, maka mereka yang terlibat dalam perniagaan dadah ini akan menjadikan kawasan luar pesisiran ini tempat menyimpan akaun ataupun dana mereka. Maka kita bimbang jikalau kawalan dan penafsiran pegangan syer ini dirahsiakan atau tidak perlu diisytiharkan, maka kita bimbang tempat ini juga akan menjadi tempat sarang mereka yang terlibat dalam berbagai kegiatan untuk menyitmpn

wang mercka sebab dilindungi dengan kekebalan Pasal 2 yang terdapat dalam Akta ini. Ia akan berulang seperti apa yang berlaku di Bahamas dan juga apa yang berlaku di Karachi, BCCI baru-baru ini di mana terbongkar bank itu menjadi tempat penyimpanan-penyimpanan pengedar senjata dan juga pengedar-pengedar dadah. Akhirnya bila berlaku satu spekulasi, ia dapat diranapkan dalam masa yang paling singkat.

Kemudian pula dalam seksyen 151 mengecualikan suatu syarikat pesisir atau syarikat luar pesisir asing daripada kehendak membayar cukai atas keuntungannya yang boleh dikenakan cukai. Jika syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing itu telah membayar satu fee yang ditentukan kepada Pendaftar, ertinya mereka tidak dikenakan cukai selain daripada fee yang berjumlah \$20,000 itu. Baru-baru ini Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa untuk memajukan Labuan diperuntukkan \$400 juta wang daripada kantung negara ataupun khazanah negara, infrastrukturnya disediakan oleh Kerajaan Pusat dengan cukai daripada rakyat tetapi peniaga di situ nanti bila mengaut keuntungan, kita tidak mengambil cukai daripada mereka. Kita bimbang perkara ini akan diungkit oleh rakyat nanti dengan peribahasa 'kera di hutan disusukan, rakyat di luar bandar disamsukan'.

Ini sudah tentulah membimbangkan sebab sepatutnya syarikat-syarikat ini yang membuat infrastrukturnya kerana merekalah yang akan mengaut keuntungan, tetapi infrastrukturnya, pembangunan jalan raya, elektrik dan sebagainya disediakan oleh Kerajaan sedangkan rakyat nanti tidak dapat menikmati keuntungan yang diperolchi daripada pelabur-pelabur tersebut. berlainandengantaraf Langkawidi mana barang-barang tidak dicukai tetapi para peniaga yang mendapat keuntungan, mercka terpaksa membayar cukai pendapatan kepada

Kerajaan. Oleh itu hasil pelabuhan bebas Pulau Langkawi dapat dinikmati bersama oleh rakyat di negeri lain ataupun di mana-mana tempat di Malaysia ini.

Pesisir ini juga akan diperluaskan misalnya yang dipanggil 'tiga segi emas' yang akan berlaku di antara Indonesia, Pulau Pinang dan Kedah diletakkan di bawah orang yang sama untuk mengawasi perjalanan, iaitu Tun Daim Zainuddin. Yang menghairankan kita kenapa Ahli Yang Berhormat dari Merbok ini diberi keistimewaan sedemikian rupa? Apakah Menteri Kewangan yang ada sekarang ini tidak mampu menjalankan tugas-tugas kewangan sehingga tanggungjawab ini terpaksa diserahkan kepada seorang ahli perniagaan yang biasa menjadi Menteri Kewangan. Ini sudah tentulah membebankan perbelanjaan negara yang banyak untuk mengawasi luar pesisir ini diberi ganjaran ataupun bertaraf Menteri, maka rakyat terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih sedangkan rakyat tidak dapat keuntungan yang banyak daripada kemajuan yang dicapai di tempat-tempat ini.

Kita juga bimbang untuk memajukan tempat ini tuntutan-tuntutan daripada pemodal ataupun gotongan kapitalis ini akan diturut oleh Kerajaan, lama-kelamaan mereka mahu sesuatu, kita pinda Akta; mereka mahu sesuatu, kita pmda Akta. Kita bimbang nasib anak bangsa kita pada masa yang akan datang. Seperti kita lihat Akta Tanah yang kita pinda baru-baru ini, maka yang akan jadi mangsanya sudah tentulah di peringkat awal ialah peneroka-peneroka bandar. Peneroka-peneroka bandar saya istilahkan mereka yang datang dan duduk di rumah-rumah yang dipanggil rumah-rumah haram di Kuala Lumpur dan kebanyakannya adalah orang Melayu. Mereka bukan pendatang haram, mereka adalah peneroka bandar, hasil daripada panggilan yang dibuat oleh

Tun Abdul Razak dahulu untuk meramaikan bumiputera di dalam bandar. Tetapi dengan meminda Akta Tanah sekarang ini pemodal-pemodal mahu tempat-tempat itu dibangunkan dengan kondominium, padang golf dan sebagainya, maka peneroka bandar ini terpaksa angkat bungkus untuk lari balik ke kampung-kampung.

Mereka dipanggil oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, tetapi sekarang ini mereka dihatai dengan begitu buas oleh para kapitalis kerana kita tunduk kepada mereka untuk meminda Akta Tanah semata-mata untuk memuaskan mereka untuk membuat kondominium dan padang-padang golf. Di manakah kedudukan peneroka bandar ini pada tahun 2000 yang akan datang apabila kita terlalu tunduk kepada kapitalis asing untuk mengaut kekayaan di negara ini.

Sebab itu Akta ini untuk memajukan mana-mana negeri atau negara kita bersetuju, tetapi kita penuh kebimbangan bahawa kita bimbang di pesisiran kita nanti akan jadi tempat pertarungan politik, pertarungan senjata dan pertarungan mereka yang ingin mencari kekayaan melalui sindiket penjualan senjata, dadah dan sebagainya.

Kebimbangan itu kami kemukakan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keatt: Arau.

6.22 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhimpun semua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membincangkan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus pergi kepada perbincangan yang akan dibual, iaitu yang periamanya

saya pergi fasal demi fasal walaupun ini boleh dimasukkan di dalam Jawatankuasa, tetapi ianya melibatkan dasar.

Yang pertama saya ingin menyentuh tentang Pasal 2, iaitu yang bertujuan untuk meminda Seksyen 6 untuk membenarkan bank-bank dan syarikat insurans Malaysia memegang syer-syer dalam syarikat luar pesisir dengan tidak perlu menyatakan struktur pegangan syer. Persoalan saya sekarang ini ialah kalau sekiranya kita tidak menentukan struktur pegangan syer (saham), maka ianya akan melibatkan Pasal 3 iaitu yang:

"Bertujuan untuk meminda Seksyen 29 untuk membenarkan bank-bank luar pesisir yang berlesen meminjam atau memberi pinjaman kepada pemastautin-pemastautin di Malaysia."

Jadi, saya ini bukanlah mewakili pihak bank, cuma saya ingin bertanya, kalau sekiranya pada masa sekarang bank-bank kita yang beroperasi ia mesli membayar cukai. Kalau sekiranya mereka lihat bahawa operasi di sini tidak berapa menguntungkan alaupun terpaksa bertanding hebat di antara bank-bank, jadi mereka boleh membeli saham ataupun membuat syarikat baru dengan mana-mana syarikat luar dalam bentuk katalah 98%:2%. 98% dipunyai oleh bank lempatan, kemudian 2% oleh bank luar dengan tujuan untuk mengelakkan cukai, tetapi dalam masa yang satna bank ini boleh memberi pinjaman balik kepada pemastautin-pemastautin Malaysia - itu yang saya faham di sini.

Jadi saya ingin bertanya juga, apakah sekiranya mereka boleh memberi pinjaman kepada pemastautin-pemastautin Malaysia, mereka pemastautin Malaysia, mereka perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Negara ataupun mereka boleh bertanding dengan bank-bank tempatan untuk

mengenakan kadar faedah yang rendah. Jadi, dengan itu ini cukup bagus. Bagi pengguna-pengguna seperti saya, seperti Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa ini kita cukup gembira, kita boleh pinjam dengan kadar faedah yang rendah daripada bank pesisir di pesisir pantai di Labuan.

Saya percaya semua rakyat Malaysia akan pergi ke sana untuk membuka bank account di sana kerana boleh mendapat pinjaman dengan kadar faedah yang rendah. Tetapi, dalam keadaan yang sebenarnya, kita bukan meminjam daripada bank luar, tetapi kita meminjam daripada bank tempatan kerana bank daripada tempatan pergi membuka syahkat di sana dengan tidak payah kita lihat struktur syer. Kalau skiranya kita beri syarat struktur syer dalam bentuk katakan bank asing mesti ada 70%, bank tempatan 30%, jadi tidak mendatangkan kesan sangat, tetapi kalau kita katakan bank tidak menentukan struktur syer, bank tempatan adalah 98%, bank luar cuma 2% untuk mengambil syarat, jadi bank ini boleh memberi pinjaman dan dengan itu banknya lebih maju dan lebth maju.

Saya percaya ianya akan merupakan pertandingan hebat kepada semua sekali bank-bank tempatan. Ini persoalan yang saya tak faham dan saya minta penjelasan, tetapi ini bagus. Bagi pengguna-pengguna di Malaysia ini cukup bagus, bagi kadar pertumbuhan ekonomi cukup bagus, sebab kita akan mendapat lebih banyak wang sepertimana rakan saya dari Labuan sebutkan tadi bahawa wang ini bukan Malaysian currency atau currency daripada luar. Jadi, dengan ini ini ia boleh menguntungkan dari segi pertukaran wang asing. Kalau skiranya ini berlaku, saya percaya ini bagus, tetapi bagaimana tentang kedudukan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara bagi bank-bank yang berada di dalam Malaysia?

Kemudian saya juga ingin menyentuh Seksyen 151 iaitu pengecualian cukai. Pengecualian cukai ini adalah bagus dan kita lihat di sini dalam pengecualian cukai ini disebut perkataan asing, bank-bank dan juga syarikat luar pesisir asing, tetapi dalam Seksyen 6 dan Seksyen 29 tadi dibenarkan kita menanam modal. Jadi, secara automatik kalau sekiranya kita dibenarkan menanam modal dalam syarikat asing, maknanya kita juga adalah syarikat asing. Kalau sekiranya kita syarikat asing, kita juga di-kecualikan cukai.

Jadi, apakah ini memberi kelonggaran dan juga kebenaran bagi mereka yang beroperasi dalam institusi kewangan untuk lari daripada cukai. Ini saya tengok seksyen-seksyen pindaan yang dibuat ini ia ada berkaitan di antara satu dengan lain dan saya baca ini adalah di atas apa yang tertulis. Saya tak faham apa yang tersirat. Jadi, saya pohon kalau ada sesuatu yang tersirat untuk dilerangkan bagi membolehkan kita memahami dengan tepat tentang kedudukan kebenaran yang diberikan iaitu untuk membolehkan mereka memberi pinjaman kepada pemastautin-pemastautin Malaysia. Tetapi, yang saya hendak persoalan di sini ialah mereka juga boleh meminjam wang daripada bank-bank tempatan.

Saya tak pasti, tetapi saya rasa kalau sekiranya kebenaran ini diberikan, kecuali kalau dibenarkan cuma sekian-sekian peratus sahaja, ini memberikan peluang ataupun ini tidak menunjukkan bahawa pertambahan modal asing sebagaimana yang kita kehendaki, cuma ianya diubah tempat untuk membolehkan mereka dikecualikan cukai dan dalam masa yang sama mereka boleh bertanding dengan bank-bank tempatan dalam bentuk kadar faedah yang boleh mereka tentukan. Ini persoalan-persoalan yang kita ingin bertanya, tetapi pada keseluruhannya kita dapati pindaan-pindaan yang telah

dibuat ini sekurang-kurangnya akan memberi galakan kepada mereka yang berminat dari luar dan juga orang-orang tempatan sendiri, saya percaya yang akan menjemput orang-orang luar kerana kelonggaran ini telah dibcri di bawah Seksyen 6 dan juga Seksyen 29 untuk membolehkan orang-orang tempatan dan juga orang-orang luar berganding bahu menubuhkan syarikat-syarikat mereka di pulau Labuan dan kepada pengguna-pengguna di Malaysia juga akan beruntung, kerana kalau sekiranya kita dibenarkan membuat pinjaman dengan tidak mengikut peraturan Bank Negara yang ada sekarang, tidak payah mengikut BLR yang ada sekarang, saya percaya semua orang gembira dan semua orang akan berpusu-pusu pergi ke Labuan untuk membolehkan kita mendapatkan pinjaman dan dalam masa yang sama saya rasa pulau Labuan akan menjadi lebih baik dan negara Malaysia pada keseluruhannya, saya percaya growth atau kadar pertumbuhan kita akan meningkat dengan lebih mendadak dan ianya akan mendatangkan keuntungan.

Yang lain-lain, saya percaya kelonggaran-kelonggaran, saya setuju dengan sahabat saya dari Pasir Mas tadi, kelonggaran-kelonggaran di peringkat awal ini perlu diberikan dalam usaha kita untuk masuk ke pertandingan antarabangsa yang bebas. Lebih-lcbih lagi kedudukan pemimpin kita, Perdana Menteri kita yang telah menjelajah di seluruh dunia sudah pasti mereka akan mendapat kepercayaan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara yang boleh mereka bergantung harap, tetapi yang jadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, saya takut kot nanti mereka ini menjadi tetamu Parlimen semasa DAP membuat kacau. Itu saya takut betul! Saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua berbuat sesuatu untuk membolehkan supaya perbincangan Majlis Mesyuarat semasa Belanjawan ini berjalan dengan lancar, sebab semua orang akan mengambil

bahagian. BBC, saya ini mewakili dua blok sctengah. Saya kira lebih popular daripada Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia satu setengah, saya dua setengah blok mewakili BBC. Saya sanggup berdamai, jangan bergaduh lagi. Kalau tidak, saya mtnta Tuan Yang di-Pertua mengenakan syarat yang ketat....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim:siapa yang tidak berminat untuk berbincang, mereka harus digantung sehingga Belanjawan ini selesai, sebab Belanjawan ini penting! (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Betul! (*Tepuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua tidak mahu bertegas lentang perkara ini, kita amat kecewa, tetapi kita tidak pernah mencabar Tuan Yang di-Pertua. Keputusan Tuan Yang di-Pertua tetap kita patuhi dan kita tidak pernah menjatuhkan imej Tuan Yang di-Pertua, sebab selagi Tuan Yang di-Pertua berada di Kerusi itu, tak kira Tuan Yang di-Pertua bernama Yang Berhormat Ong Tee Keatkah atau nama apa, tak penting, yang penting Kemi itu harus dihormati! (*Tepuk*) Mereka yang lidak menghormati....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.